



LAPORAN TAHUNAN

TAHUN 2017

ISI KANDUNGAN

1. Jabatan Penilaian dan Pengurusan Harta

2. Jabatan Korporat

3. Jabatan Kesihatan

4. Jabatan Undang-Undang

5. Jabatan Pesuruhjaya Bangunan (COB)

6. Jabatan Direktorat Penguatkuasaan

7. Jabatan Bangunan

8. Jabatan Kejuruteraan

9. Jabatan Perancang Bandar

10. Jabatan Khidmat Pengurusan

11. Jabatan Landskap

12. Jabatan Pelesenan

13. Jabatan Perbendaharaan

14. Jabatan Perkhidmatan Perbandaran

15. Jabatan Kemasyarakatan



JABATAN PENILAIAN DAN PENGURUSAN HARTA

LAPORAN TAHUNAN 2017

JABATAN PENILAIAN DAN PENGURUSAN HARTA

OBJEKTIF JABATAN


- i. Menyediakan Senarai Nilaian yang mengandungi Nilaian Tahunan yang terkini.
- ii. Beban cukai yang dikenakan ke atas pembayar cukai adalah saksama
- iii. Sistem kadaran berkomputer dan maklumat harta berkadar yang cekap
- iv. Perkhidmatan diberi dengan mesra, cekap dan berkesan

FUNGSI JABATAN

Menjalankan kerja-kerja penilaian ke atas pegangan-pegangan yang boleh dikenakan kadar di seluruh kawasan Seberang Perai bagi tujuan mengenakan cukai taksiran.

Menguruskan harta-harta komersial milik Majlis yang berada di bawah tindakan Jabatan Penilaian dan Pengurusan Harta.

ORGANISASI PENGURUSAN ATASAN JABATAN PENILAIAN DAN PENGURUSAN HARTA



Carta 1.1:

Carta Organisasi Pengurusan dan Profesional Jabatan Penilaian dan Pengurusan Harta Tahun2017

PENILAIAN BAGI MAKSUD KADARAN

HASIL BANGUNAN

i) Taksiran Baru

Pada tahun 2017 sebanyak 5,713 bangunan baru telah ditaksir. Jumlah tambahan baru Nilai Tahunan tahun 2017 ialah RM53,176,620.



ii) Taksiran Semula (Pindaan dan Tambahan)

Taksiran semula harta di seluruh Seberang Perai pada tahun 2017 menunjukkan sebanyak 3,272 bangunan yang telah ditaksir semula apabila terdapat pindaan dan tambahan ke atas bangunan sediada. Nilai Tahunan baru yang telah diterima adalah sebanyak RM99,690,475.00



HASIL TANAH

i) Taksiran Baru Tanah

Pada tahun 2017 sebanyak 427 lot tanah kosong telah ditaksir. Jumlah tambahan baru Nilai Tahunan tahun 2017 ialah RM30,705,000.00 dan cukai sebanyak RM951,205.86

ii) Taksiran Semula Tanah (Pindaan)

Pada tahun 2017 sebanyak 18 lot tanah kosong telah ditaksir semula dengan pertambahan Nilai Tahunan sebanyak RM3,032,400 dan tambahan cukai taksiran baru sebanyak RM94,004.00.



PELEPASAN CUKAI DAN REBAT 6% CUKAI TAKSIRAN

Pada tahun 2017, pemilik pegangan di Seberang Perai bagi jenis kediaman kampung, kediaman kos rendah dan kediaman kos sederhana rendah serta pemilik skim kediaman dengan keluasan 700 kaki persegi luas setara (luas asal) dan ke bawah telah menikmati pelepasan cukai taksiran.

Pemberian rebat 6% ke atas cukai taksiran bagi semua pemilik pegangan **SELAIN** jenis kediaman kampung, kediaman kos rendah dan kediaman kos sederhana rendah telah juga diberikan kepada pemilik pegangan di Seberang Perai.

SUMBANGAN MEMBANTU KADAR

AGENSI	BIL HARTA	SUMBANGAN YANG PERLU DIBAYAR (RM)
KERAJAAN PERSEKUTUAN	3,725	2,696,313.60
KERAJAAN NEGERI	494	193,268.37
KEMENTERIAN PERTAHANAN	898	970,416.30
BADAN BERKANUN		
FAMA	9	37,107.45
LEMBAGA LEBUHRAYA MALAYSIA	1	7,346.55
LEMBAGA PERTUBUHAN PELADANG	34	26,261.10
MARDI	1	494.40
JABATAN BEKALAN AIR P.PINANG	1	123,453.00
PERDA	15	2,331.45
PERTUBUHAN PELADANG KEBANGSAAN	1	41,989.50
RISDA	3	4,150.65
LEMBAGA HASIL DALAM NEGERI	1	52,902.90
SPPP	6	4,074,626.85
Jumlah	5,189	8,230,662.12



Jadual 1.1:

Sumbangan Membantu Kadar (SMK) bagi harta yang melibatkan Kerajaan Persekutuan, Kerajaan Negeri dan Badan-Badan Berkanun.

Jabatan Penilaian dan Pengurusan Harta juga bertanggungjawab menentukan sumbangan yang perlu dibayar bagi semua harta-harta Kerajaan Persekutuan, Kerajaan Negeri dan Badan-Badan Berkanun bagi maksud Sumbangan Membantu Kadar (SMK).

RAYUAN CUKAI TAKSIRAN 2017

Berdasarkan kepada Akta Kerajaan Tempatan 1976 (Akta 171), Seksyen 142 telah memperuntukkan bahawa pemilik bangunan boleh membuat bantahan ke atas Senarai Nilaian Baru yang dikenakan. Berikut ialah bilangan bantahan yang diterima daripada pembayar cukai terhadap cadangan Nilai Tahunan pada tahun 2017 seperti jadual 1.2

Daerah	Bilangan Mesyuarat Rayuan Cukai	Bilangan Bantahan	
		Bangunan	Tanah
SP UTARA	12	301	4
SP TENGAH	11	926	130
SP SELATAN	10	135	20
Jumlah	33	1362	154

Jadual 1.2: Mesyuarat Rayuan Cukai 2017





Gambar 1.1 menunjukkan Jenis Skim Pembangunan yang dibuat nilaiann untuk tujuan kadaran




Gambar 1.2 Mesyuarat Rayuan Cukai Selatan Tahun 2017

TUKAR NAMA PEMILIK

Tukar Nama Pemilik Harta Berkadar telah diperuntukan dibawah Seksyen 160 Akta Kerajaan Tempatan 1976. Penukaran nama kepada pemilik harta yang baru perlu dibuat untuk membolehkan bil cukai taksiran disampaikan kepada pihak yang sebenarnya memiliki harta tersebut. Selain itu, ianya untuk bertujuan penghantaran notis, carian oleh agensi-agensi berkepentingan dan sebagainya.

Graf 1.1 : Tukar Nama Pemilik yang memohon dan diluluskan mengikut daerah pada tahun 2017.

Tukar Nama Pemilik diproses untuk permohonan yang melibatkan bangunan dan tanah bagi seluruh Seberang Perai. Kelulusan sesuatu permohonan bergantung kepada syarat-syarat yang telah ditetapkan kepada pemohon. Kegagalan memenuhi syarat menyebabkan permohonan tidak dapat diluluskan dan perlu membuat permohonan semula.



Graf 1.1 : Menunjukkan bilangan permohonan tukar nama yang lulus mengikut daerah pada tahun 2017

HARTA MAJLIS

Skop Kerja Bahagian Pengurusan Harta Majlis meliputi pengurusan harta-harta komersil milik MPSP dan Pengurusan Rumah Pangsa PPR Ampangan, Ampang Jajar Seberang Perai Tengah (SPT).



Gambar 1.3: Bangunan milik Majlis disewakan di Jalan Mohd Saad, Butterworth, SPU



Gambar 1.4: Bangunan dan Tanah milik MPSP yang disewakan di Seberang Perai




Gambar 1.5: Sebahagian Pondok Bas-Pondok Bas yang boleh disewakan untuk tujuan pengiklanan di sekitar Seberang Perai

HASIL HARTA MAJLIS

Sewaan harta-harta Majlis melibatkan sewaan bangunan dan tanah serta pondok bas- pondok bas di Seberang Perai serta luar kawasan Seberang Perai.

Graf 1.2: Peratusan Harta-harta Majlis yang Disewakan mengikut Daerah.



PENYEWAAN UNTUK TUJUAN PUSAT KITAR SEMULA ATAU PUSAT KOMPOS

MPSP juga memberi kemudahan sewaan depo sampah dan bekas tapak tangki najis yang tidak digunakan untuk tujuan pusat kitar semula dan pusat kompos. Semua permohonan tertakluk kepada syarat-syarat yang telah ditetapkan. Senarai tapak depo sampah dan bekas tangki najis yang dibuka untuk sewaan adalah seperti jadual 1.

SENARAI TELAH DISEWAKAN							
Bil	No. Lot	Mukim	Daerah	Nama Taman/Lokasi	Keluasan Tanah (mp)	Jenis Tapak	Cukai Tanah (RM)
1.	4545	6	SPU	Penang Golf Resort	81	Depo Sampah	40.00
2.	7455	15	SPT	Taman Seri Janggus	351	Depo Sampah	40.00
3.	6023	15	SPS	Bandar Tasek Mutiara	348	Depo Sampah	85.00
4.	6917	14	SPS	Taman Idaman	404	Depo Sampah	90.00



Gambar 1.6: Depo Sampah yang disewaan untuk tujuan pusat kitar semula atau pusat kompos.

PENGURUSAN RUMAH PANGSA PPR, AMPANGAN JAJAR, SPT

Latar Belakang.


Projek Perumahan Rakyat (PPR) Ampangan merupakan projek perumahan yang dilaksanakan bagi tujuan membantu golongan yang berpendapatan rendah pada kadar antara RM750.00 hingga RM1,500.00 sebulan.

Pangsa PPR Ampangan dibina di atas tanah MPSP iaitu di atas sebahagian Lot 972, Bandar Perai dan Lot 1346, Mukim 2, Seberang Perai Tengah. Ia mula beroperasi dan dibuka untuk sewaan pada 1 Jun 2006. Ia mempunyai 10 tingkat yang terdiri daripada 250 unit kediaman, 2 buah kios perniagaan, sebuah bilik pengurusan, sebuah dewan orang ramai dan sebuah surau.




Pengurusan dan Penyelenggaraan

MPSP telah melantik Tetuan Mutiara Properties sebagai ejen pengurusan yang bertanggungjawab untuk mengurus dan menyelenggara bangunan PPR ini. Skop bagi kerja-kerja tersebut adalah menguruskan pentadbiran bangunan, menguruskan kutipan sewa, penyelenggaraan lif, pemberian/handyman, penyelenggaraan elektrik/ chargeman, kawalan serangga, kawalan keselamatan, pencegah kebakaran dan pemberian kerosakan kecil. Manakala bagi kerja-kerja pembersihan dan lanskap adalah dilaksanakan oleh Persatuan Penduduk PPR Ampangan. Perincian kontrak bagi kerja-kerja pengurusan dan penyelenggaraan bangunan PPR ini adalah seperti rajah di bawah.



Graf 1.3: Peratusan penyewa Rumah Pangsa PPR tahun 2017



Rajah 1.1: Perincian Kontrak Pengurusan dan Penyelenggaraan Pangsa PPR Ampangan, SPT

Kerja pembersihan merupakan sebahagian kerja-kerja penyelenggaraan yang dijalankan di Pangsa PPR, Ampangan. Jadual 1.4 di bawah menunjukkan jadual kerja-kerja pembersihan untuk keseluruhan Pangsa PPR Ampangan, SPT.

KEKERAPAN	HARIAN						MINGGUAN				BULANAN	
KAWASAN AKTIVITI	TINGKAT BAWAH	TEM PAT LETAK KERETA	TANGGA & KORIDOR (SETIAP TINGKAT)	AIR WELL	LIF	PUSAT PUNGUTA N SAMPAH	BILIK SUIS UTAMA	BILIK PAM	BILIK GEN SET	SILING TINGKAT BAWAH & TINGKAT 9	DEWAN	KORIDOR (SETIAP TINGKAT)
SAPU	LANTAI	LANTAI	LANTAI	-	LANTAI	LANTAI	LANTAI	LANTAI	LANTAI	-	LANTAI	-
CUCI	LONGKANG	LONGKANG	-	LANTAI	SILING	TONG (AIR + BAHAN KIMIA)	-	-	-	SILING	SILING	SILING
LAP	PETI SURAT	-	RAILINGS	-	-	-	PERALATAN (DENGAN PENGAWASAN PENYELIA)	PERALATAN (DENGAN PENGAWASAN PENYELIA)	PERALATAN (DENGAN PENGAWASAN PENYELIA)	-	-	-
MASA	8 - 9 PG (4 - 5 PTG flexi)	9 - 10.30 PG	10.30 PG - 1.00 PTG	2 - 3.30 PTG	3.30 - 4 PTG	ISNIN	SELASA	RABU	KHAMIS	JUMAAT	SABTU	MINGGU PERTAMA

Jadual 1.4: Jadual Kerja-kerja Pembersihan Pangsa PPR Ampangan, SPT yang dikendalikan oleh Persatuan Penduduk.

KEKERAPAN AKTIVITI	HARIAN	MINGGUAN (2 MINGGU SEKALI)	BULANAN
POKOK-POKOK DAN KAWASAN PADANG	SAPU	MEMANGKAS POKOK (TRIMMING)	MEMBAJA
	SIRAM	POTONG RUMPUT	MENYEMBUR RACUN SERANGGA
MASA	8 - 10 PG	RABU	MINGGU PERTAMA

Jadual 1.5: Jadual penyelenggaraan Lanskap di Pangsa PPR Ampangan, SPT.

Penyelenggaraan lanskap juga dijalankan dengan berpandukan jadual yang telah disediakan oleh pihak pengurusan. Antara kerja penyelenggaraan lanskap dijalankan ialah seperti berikut:-

- Menyiram pokok dan rumput padang.
- Membuang tumbuhan mimosa, cendawan dan kulat
- Menyembur racun serangga dan racun kulat.



Gambar 1.7 Kerja Pembersihan dan Kawalan Keselamatan



Gambar 1.8 Kerja Pembaikan kecil dan penyelenggaraan lif

PENUTUP

Jabatan Penilaian dan Pengurusan Harta memainkan peranan penting dalam usaha untuk meningkatkan pendapatan Majlis. Jabatan ini sentiasa komited untuk meningkatkan lagi mutu perkhidmatan ke arah mencapai visi dan misi MPSP berlandaskan hasrat Kerajaan Negeri menjadikan Pulau Pinang bersih, hijau, selamat dan sihat.



JABATAN KORPORAT DAN PERHUBUNGAN ANTARABANGSA

LAPORAN TAHUNAN

JABATAN KORPORAT DAN PERHUBUNGAN ANTARABANGSA BAGI TAHUN 2017

LAPORAN UNIT KOMUNIKASI DAN PERHUBUNGAN ANTARABANGSA TAHUN 2017

LAWATAN DARIPADA LUAR NEGARA KE MAJLIS PERBANDARAN SEBERANG PERAI BAGI TAHUN 2017



1.	Lawatan daripada <i>City of Yokohama</i> , <i>Yokohama City University</i> dan <i>Japan International Cooperation Agency (JICA)</i> pada 4 hingga 6 Mac 2017.
2.	Lawatan daripada <i>City of Yokohama</i> , <i>Yokohama City University</i> dan <i>Japan International Cooperation Agency (JICA)</i> pada 25 April hingga 1 Mei 2017.
3.	Lawatan daripada Delegasi <i>ICLEI Southeast Asia, Philippines</i> pada 22 hingga 24 Mei 2017.
4.	Lawatan daripada <i>City of Yokohama</i> dan <i>Yokohama City University</i> dan <i>Japan International Cooperation Agency</i> pada 13 hingga 18 Ogos 2017.
5.	Lawatan daripada Peter Cornthwaite CEO <i>WWF Hong Kong</i> "Visit to Seberang Perai Wetland" pada 24 Oktober 2017.

Lawatan daripada *City of Yokohama*, *Yokohama City University* dan *Japan International Cooperation Agency (JICA)* pada 4 hingga 6 Mac 2017.

MPSP telah menandatangani *Memorandum of Understanding (MoU)* dengan *City of Yokohama*, Jepun pada 20 Oktober 2015. Oleh itu, beberapa lawatan telah diadakan oleh *City of Yokohama* ke MPSP bagi tahun 2017.

Oleh itu, pada 4 hingga 6 Mac 2017, MPSP telah menerima lawatan daripada *City of Yokohama*, *Yokohama City University* dan *Japan International Cooperation Agency (JICA)*. Lawatan ini adalah bagi membincangkan report of progress yang telah disediakan oleh Jawatankuasa Bukit Mertajam bagi tahun 2016.



Selesai sesi perbincangan,YBhg. Dato' Yang Dipertua bergambar dengan Delegasi Yokohama.



En Mohd Hazren Bin Mohd Zahir, Penolong Pengarah Perancang Bandar memberikan penerangan semasa lawatan tapak di Jeti Kelip-kelip Jawi, Seberang Perai Selatan.



Delegasi Yokohama bersama En Amir Bin Abdullah semasa lawatan tapak di Butterworth Baharu.

Lawatan daripada *City of Yokohama*, *Yokohama City University* dan *Japan International Cooperation Agency (JICA)* pada 25 April hingga 1 Mei 2017.

Lawatan susulan juga telah diadakan iaitu pada 25 April hingga 1 Mei 2017 di mana MPSP telah menerima lawatan daripada *City of Yokohama*, *Yokohama City University* dan *Japan International Cooperation Agency (JICA)*.

Sewaktu lawatan ini, MPSP telah berjaya mengadakan Sesi Town Hall iaitu pada 15 Mac 2017 dan pada lawatan kali ini MPSP telah menerima pandangan dan nasihat secara langsung daripada *City of Yokohama* dan penduduk-penduduk bagi pembangunan di Bukit Mertajam.



Semasa Sesi Town Hall bersama Delegasi Yokohama di Dewan Sekolah Jit Sin Independent High School, Bukit Mertajam.



En. Baderul Amin, Pengarah Kejuruteraan memberikan penerangan pada Sesi Town Hall bersama YB Puan Chong Eng dan Delegasi Yokohama di salah satu side line yang dipilih di Bukit Mertajam



Pembentangan daripada En. Naoyuki Kuniyoshi, Special Contract Professor daripada *Yokohama City University*.

Lawatan daripada Delegasi ICLEI Southeast Asia, Philippines

MPSP telah menjadi ahli *International Council for Local Environmental Initiatives (ICLEI)* pada 17 Jun 2014. ICLEI ialah badan dunia yang memberi tunjuk ajar kepada bandar-bandar dan Kerajaan Tempatan dalam membentuk pembangunan yang mampan. Pada 22 hingga 24 Mei 2017 seramai tiga (3) orang delegasi daripada *ICLEI Southeast Asia, Philippines* telah mengadakan lawatan ke MPSP.

Tujuan lawatan ini adalah bagi mengadakan perbincangan mengenai *Meeting for Upcoming REXCOM Elections 2018 – 2021* bersama YBhg. Dato' Maimunah Mohd Sharif, Mantan Yang Dipertua MPSP.

Senarai delegasi adalah seperti berikut:-

- i. Encik Victorino Aquitania - *Regional Director ICLEI Southeast Asia*.
- ii. Encik Ricardo A. Marfiga, JR – *Project Officer ICLEI Southeast Asia*.
- iii. Puan Leticia Clemente – *City Budget Officer, City of Baguio, Philippines*



Pada 22 Mei 2017 Puan Faradilla Binti Fahruddin, Penolong Pengarah Perancang Bandar memberikan taklimat kepada Delegasi ICLEI mengenai perancangan pembangunan di Bandar Bukit Mertajam.



Perbincangan bersama YBhg. Dato' Maimunah Mohd Sharif, Mantan Yang Dipertua semasa lawatan daripada *ICLEI Southeast Asia, Philippines*.



Bersama dengan delegasi daripada *ICLEI Southeast Asia, Philippines*.



Delegasi di bawa menjamu selera di Restoran Ujong Batu untuk mempromosikan makanan Malaysia



Semasa mengadakan lawatan tapak di Jeti Ujong Batu, Prai bersama YBhg. Dato' Maimunah Mohd Sharif mantan Yang Dipertua MPSP.

Lawatan daripada City of Yokohama dan Yokohama City University dan Japan International Cooperation Agency pada 13 hingga 18 Ogos 2017.

Pada 13 hingga 18 Ogos 2017 MPSP telah menerima lawatan daripada *City of Yokohama*, *Yokohama City University* dan *Japan International Cooperation Agency (JICA)*. Lawatan ini adalah susulan daripada lawatan sebelum ini iaitu pada 25 April hingga 1 Mei 2017.



Perbincangan YBhg. Dato' Yang Dipertua bersama dengan Delegasi Yokohama semasa lawatan kali ke tiga (3) pada tahun 2017



Semasa site visit di Bangunan Persekutuan Tempatan Budak-Budak Pengakap Daerah Mertajam.



Bergambar di hadapan Bangunan Cheok Sah, Bukit Mertajam.

Lawatan daripada Peter Cornthwaite, CEO WWF Hong Kong

Pada 24 Oktober 2017, Encik Peter Cornthwaite, CEO WWF Hong Kong telah mengadakan lawatan dan kunjung hormat kepada YBhg. Dato' Sr Hj Rozali Bin Hj Mohamud, Yang Dipertua MPSP.

Tujuan lawatan ini adalah bagi membincangkan dan mengadakan lawatan ke wetland yang terdapat di Seberang Perai. Selain itu, lawatan ini adalah bertujuan untuk memberi penerangan iaitu bagaimana untuk mengambil langkah-langkah penambahan baikan bagi pemuliharaan kawasan wetland di Seberang Perai.

Lawatan daripada Delegasi ICLEI Southeast Asia, Philippines



Dr. Michael memberikan penerangan kepada YBhg. Dato' Yang Dipertua tentang flyway bird migration.



Semasa kunjungan hormat Encik Peter Cornthwaite, CEO WWF Hong Kong bersama YBhg. Dato' Yang Dipertua.



Encik Peter Cornthwaite, CEO WWF Hong Kong semasa site visit di Sungai Abdul, Teluk Air Tawar, Seberang Perai Utara.

LAWATAN CONFERENCE / KURSUS/ BENGKEL

1.	<i>International Forum on Gender Mainstreaming and Home Care</i> pada 13 hingga 14 Januari 2017 di Hong Kong.
2.	<i>Vientiane International Mayors Forum in Conjunction with Regional EST Forum in Asia</i> pada 14 hingga 16 Mac 2017 di Vientiane, Loa PDR.
3.	<i>Invitation to the Women Mayors Pre Conference UCLG ASPAC Executive Bureau Meeting 2017 & Invitation to be a speaker in The "Local Leaders Dialogue" Panel Session in The Asia Pacific Conference</i> pada 4 hingga 7 April 2017 di Catbalogan City, Samar, Philippines.
4.	<i>Bali International Seminar</i> pada 15 hingga 18 April 2017 di Bali Indonesia.
5.	<i>World Cities Summit Mayors Forum 2017</i> pada 17 hingga 20 Mei 2017 di Suzhou, China.
6.	<i>The 4th WeGO General Assembly "Smart Sustainable Cities for All"</i> pada 27 hingga 30 Jun 2017 di Ulyanovsk, Rusia.
7.	<i>Temasek Foundation International @ 10 Asia Urban Governance Leaders Forum 2017</i> pada 20 hingga 22 Julai 2017 di Singapura.
8.	<i>3rd Asean Mayors Forum</i> pada 25 hingga 28 Julai 2017 di Taguig City, Manila.
9.	<i>Astana Expo 2017: Pocket Talk di Pavillion Malaysia</i> pada 30 Julai hingga 3 Ogos 2017 di Astana, Kazakhstan.
10.	<i>2017 Suwon Forum on Asia Human City</i> pada 25 hingga 26 September 2017 di Suwon, Republic of Korea.

11.	<i>EcoMobility World Festival 2017 and The EcoMobility World Congress 2017</i> pada 2 hingga 4 Oktober 2017 di Kaohsiung, Taiwan.
12.	<i>The 6th Asia Smart City Conference 2017</i> pada 24 hingga 27 Oktober 2017 di Yokohama, Jepun
13.	<i>The 2017 Citynet Congress 30th Anniversary</i> pada 5 hingga 8 Novermber 2017 di Colombo, Sri Lanka.

International Forum On Gender Mainstreaming And Home Care pada 13 hingga 14 Januari 2017 di Hong Kong

MPSP telah menerima jemputan *International Forum on Gender Mainstreaming and Home Care* pada 13 hingga 14 Januari 2017 di Hong Kong yang dihadiri oleh YBhg. Dato' Maimunah Mohd Sharif, Mantan Yang Dipertua MPSP, Puan Rahida Binti Abdul Rahim, Penolong Akauntan dan Puan Zarina Binti Zainol, Penolong Pegawai Penilaian.

International Forum on Gender Mainstreaming and Home Care di Hong Kong merupakan forum yang melibatkan Pertubuhan-pertubuhan Bukan Kerajaan (NGO) Hong Kong bagi mendapatkan pendedahan serta mempelajari cara-cara untuk mendapat kesaksamaan gender di Hong Kong.

Semasa forum tersebut Dato' Maimunah Mohd Sharif, Mantan Yang Dipertua MPSP telah membentangkan kertas kerja “*Gender Responsive Budgeting in the Penang Local Government*”.

Best practices atau amalan baik yang dicadangkan oleh pegawai untuk dilaksanakan di MPSP ialah penggunaan air tebus guna (*reclaimed water*) untuk pelbagai kegunaan seperti pencucian, pengairan landskap atau tandas kecuali untuk makan dan minum.



Penggunaan air tebus guna (*reclaimed water*) untuk pelbagai kegunaan seperti mencuci, pengairan landskap dan tandas kecuali bagi kegunaan makan dan minum



YBhg. Dato' Maimunah Mohd Sharif membentangkan kertas kerja “*Gender Responsive And Participatory Budgeting (GRPB)*”.



Gambar bersama-sama dengan peserta-peserta semasa *International Forum On Gender Mainstreaming And Home Care*.

Vientiane International Mayors Forum in Conjunction with Regional EST Forum in Asia pada 14 hingga 16 Mac 2017 di Vientiane, Loa PDR

YBhg. Dato' Maimunah Mohd Sharif, Mantan Yang Dipertua MPSP dan Puan Shafida Aziyanti Binti Mohd Shafie, Penolong Pengarah Kejuruteraan telah dijemput bagi menghadiri *Vientiane International Mayors Forum in Conjunction with Regional EST Forum in Asia* pada 14 hingga 16 Mac 2017 di Vientiane, Loa PDR.

Forum ini merupakan satu (1) platform untuk bertukar-tukar pengalaman dikalangan datuk bandar dan pemimpin-pemimpin di peringkat kerajaan tempatan bagi melaksanakan polisi dan projek bagi meningkatkan pencapaian kearah bandar manpan dengan memperlihatkan pelaksanaan *Sustainable Development Goal 11 (SDG 11)* dan matlamat-matlamat yang berkaitan selari dengan *New Urban Agenda* yang diterima pakai semasa di *The United Nations Conference on Housing and Sustainable Urban Development (Habitat III)* di Quito, Ecuador pada bulan Oktober tahun 2016.

Semasa di sana YBhg. Dato' Maimunah Mohd Sharif telah membentangkan kertas kerja bertajuk "Public participation in urban planning and development".

Best practice atau amalan baik yang dicadangkan oleh pegawai adalah dengan membangunkan taman-taman rekreasi dan kemudahan awam yang mana hanya mengambil masa lima (5) minit untuk berjalan kaki daripada tempat kediaman mereka. Selain menumpukan 20% pembangunan taman-taman rekreasi dan public open space bagi kemudahan orang awam.



Gambar YBhg. Dato' Maimunah Mohd Sharif,
Mantan Yang Dipertua MPSP bersama barisan
peserta-peserta lain di Vientiane International Mayors
Forum in Conjunction with Regional EST Forum.



Semasa majlis makan malam di
Vientiane International Mayors Forum in
Conjunction with Regional EST Forum.



Ybhg. Dato' Maimunah Mohd Sharif, Mantan Yang Dipertua MPSP
membentangkan kertas kerja semasa di Vientiane International Mayors Forum
in Conjunction with Regional EST Forum.

Invitation to the Women Mayors Pre Conference UCLG ASPAC Executive Bureau Meeting 2017 & Invitation To Be a Speaker In The "Local Leaders Dialogue" Panel Session in The Asia Pacific Conference pada 4 hingga 7 April 2017 di Catbalogan City, Samar, Philippines

Kongress ini telah dihadiri oleh YBhg. Dato' Maimunah Mohd Sharif, Mantan Yang Dipertua MPSP dan Encik Shaqhrony Bin Md Yusoff, Ketua Jabatan Landskap. *The Women Mayors Pre Conference UCLG ASPAC Executive Bureau Meeting 2017 & Invitation To Be a Speaker In The "Local Leaders Dialogue" Panel Session in The Asia Pacific Conference* pada 4 hingga 7 April 2017 di *Catbalogan City, Samar, Philippines* merupakan satu (1) platform bagi peserta-peserta untuk berkongsi dan mendapat pendedahan tentang perancangan pembangunan perbandaran serta mengambil kira aspek-aspek gender dan kelangsungan ekonomi tempatan.

Semasa di sana YBhg. Dato' Maimunah Mohd Sharif telah membentangkan kertas kerja "Women Community Leadership Towards Gender Equality and Local Economic Gains", "Gender Equality and Women Empowerment" dan menjadi panel bagi "Local Leaders Dialogue – Creating Connections for Sustainable and Resilient Societies".

Hasil daripada kongres ini perlaksanaan 4P's (*People, Private, Public, Partnership*) dan penekanan ke atas aspek gender di Seberang Perai telah menjadi rujukan kepada peserta-peserta yang terlibat. Secara lansung 4P's yang tidak mengabaikan element gender amatlah baik untuk diteruskan MPSP kerana telah berjaya menjadi rujukan kepada peserta-peserta di peringkat global.



Ybhg. Dato' Maimunah Mohd Sharif, Mantan Yang Dipertua MPSP semasa menghadiri *The Women Mayors Pre Conference UCLG ASPAC Executive Bureau Meeting 2017 & Invitation To Be a Speaker In The "Local Leaders Dialogue" Panel Session in The Asia Pacific Conference*.

Bali International Seminar pada 15 hingga 18 April 2017 di Bali Indonesia

MPSP yang diwakili oleh YBhg. Dato' Maimunah Mohd Sharif, Mantan Yang Dipertua MPSP dan Cik Nurhazwani Binti Ramli, Penolong Pengarah Jabatan Bangunan telah menghadiri *Bali International Seminar* pada 15 hingga 18 April 2017 di Bali Indonesia.

Seminar ini adalah merupakan salah satu (1) aktiviti bagi memperingati Hari Ulangtahun Ke-246 Kota Gianyar. Seminar ini telah dihadiri oleh 58 perwakilan kabupaten/ kota anggota JKPI senusantara, pemerhati dan orang awam. Semasa di sana Dato' Maimunah Mohd Sharif telah membentangkan kertas kerja yang bertajuk *"Strategy and Government Policy on Arts and Culture in The Context of Managing Heritage Cities in Malaysia, The Case of George Town, Penang"*.

Pegawai telah mengadakan lawatan ke tempat – tempat warisan yang menjadi tarikan pelancong dan salah satunya ialah tapak warisan UNESCO yang terdapat di Bali. Hasil daripada seminar ini pegawai mendapat lebih banyak pengetahuan dan pengalaman di mana pegawai dapat membuat pembandingan dari sudut pelancongan dan kebudayaan yang terdapat di Seberang Perai dan di Bali, Indonesia.



Dato' Maimunah Mohd Sharif bersama panellist
Bali International Seminar.



Arca Batu Warisan Bali
"Scared Monkey Forest Sanctuary"

World Cities Summit Mayors Forum 2017 pada 17 hingga 20 Mei 2017 di Suzhou, China

Pada 17 hingga 20 Mei 2017 YBhg. Dato' Maimunah Mohd Sharif, Mantan Yang Dipertua MPSP telah dijemput bagi menghadiri *World Cities Summit Mayors Forum 2017*. Beliau telah hadir bersama Cik Tan Joo Tee, Penolong Pengarah Kanan Kemasyarakatan.

Program ini diadakan bagi membincangkan isu-isu semasa dan berkongsi *best practices* dikalangan peserta. Sebanyak 55 buah bandar telah menyertai mayors forum dan direkodkan sebanyak 18 buah bandar baru yang pertama kali menghadiri persidangan ini.

Hasil daripada persidangan ini pegawai telah mencadangkan kepelbagaian tong sampah bagi pelaksanaan pengasingan sisa dipunca di Seberang Perai. Di Suzhou, China, kelpebagaian bentuk tong sampah telah menarik minat orang awam untuk membuang sampah mengikut pengasingan sisa dipunca.



YBhg. Dato' Maimunah Mohd Sharif, Mantan Yang Dipertua MPSP bersama datuk bandar – datuk bandar yang menghadiri *World Cities Summit Mayors Forum 2017*.





Contoh –contoh kepelbagaian tong sampah yang mempunyai pengasingan sisa dipunca dicadangkan sebagai *best practice & benchmarking* untuk dilaksanakan di Seberang Perai.

The 4th WeGO General Assembly “Smart Sustainable Cities for All” pada 27 hingga 30 Jun 2017 di Ulyanoysk, Rusia

Pada 27 hingga 30 Jun 2017 Encik H'ng Mooi Lye (Jason), Ahli Majlis MPSP dan Puan Rosmalinda Binti Rosli, Penolong Pengarah Kanan Korporat dan Perhubungan Antarabangsa telah menghadiri *The 4th WeGO General Assembly “Smart Sustainable Cities for All”* pada 27 hingga 28 Jun 2017 di Ulyanoysk, Rusia.

Program ini adalah perjumpaan dikalangan datuk bandar bagi berkongsi pengetahuan mengenai *e-government* dan pencapaian yang telah dicapai ke arah bandar pintar di peringkat antarabangsa.

MPSP telah dipilih daripada 11 bandar yang dicalonkan untuk menjadi *Executive Committee Member* bagi tahun 2017 hingga 2020. MPSP juga menerima anugerah di dalam *“Smart Monitoring System 2.0”* yang mana telah menerima *Silver Award* di dalam *Digital Inclusion Category* pada *3rd WeGO Smart Sustainable City Awards*.

Best practice yang cadangkan oleh pegawai ialah penyediaan *bicycle park* yang menarik seperti di Ulyanovk, Rusia.



Encik H'ng Mooi Lye (Jason), Ahli Majlis MPSP semasa di Majlis Penerimaan *Silver Award* “*Digital Inclusion Category*”.



Encik H'ng Mooi Lye (Jason), Ahli Majlis MPSP dan Puan Rosmalinda Rosli, Penolong Pengarah Korporat dan Perhubungan Antarabangsa bersama Honorable Mr. Park Won Soon, Mayor of Seoul Metropolitan Government.



Benchmarking yang dicadangkan oleh pegawai, tempat parkir basikal yang kreatif dan disediakan berdekatan pintu masuk bagi memudahkan penunggang mengunci basikal mereka.

Temasek Foundation International @ 10 Asia Urban Governance Leaders Forum 2017 pada 20 hingga 22 Julai 2017 di Singapura

Pada 20 hingga 22 Julai 2017 Puan Ir Hjh Rosnani Binti Hj Mahmood, puan Setiausaha Perbandaran telah menghadiri *Temasek Foundation International @ 10 Asia Urban Governance Leaders Forum 2017* di Singapura.

Temasek Foundation International@Asia Urban Governance Leaders mengumpulkan lebih daripada 100 delegasi yang terdiri daripada alumni *TF International programmes* yang lalu dan peserta-peserta baru daripada pelbagai rakan-rakan kongsi di Asia. Forum ini adalah untuk meningkatkan jaringan hubungan kerjasama di dalam bentuk dialog dengan pemimpin-pemimpin Singapura melalui pelbagai topik.



Puan Setiausaha Perbandaran bersama speaker yang lain di *Temasek Foundation@10 International Asia Urban Governance Leaders Forum 2017*.

3rd Asean Mayors Forum pada 25 hingga 28 Julai 2017 di Taguig City, Manila

3rd Asean Mayors Forum diadakan bersama dengan ASEAN Ministerial Meeting yang memfokuskan kepada kolaborasi dikalang bandar-bandar dan kerajaan tempatan untuk meningkatkan semangat dikalangan komuniti ASEAN.

Program ini dihadiri oleh YBhg. Dato' Maimunah Mohd Sharif, Mantan Yang Dipertua MPSP dan Cik Normaira Binti Abdul Rahman, Ketua Unit Butterworth Baharu.

Hasil daripada forum ini pegawai mencadangkan Pasar Fiesta di *Bonifacio Global City* sebagai contoh untuk mempertingkatkan fasiliti dan kemudahan awan di pasar-pasar Seberang Perai. Ini kerana pasar ini menawarkan pelbagai pilihan barang, tempat makan dan hiburan untuk orang awam. Pasar Fiesta di *Bonifacio Global City* mempunyai dasar perniagaan yang baik dan sistem kewangan yang berjaya serta berdaya saing.



Fiesta Market yang terdapat di *Bonifacio Global City* di Taguig, Manila.



Suasana di dalam pusat membeli belah Fiesta Market yang terdapat di *Bonifacio Global City* di Taguig, Manila.



Sebahagian peserta –peserta yang menyertai *3rd Asean Mayors Forum*.

Astana Expo 2017: Pocket Talk di Pavillion Malaysia pada 31 Julai hingga 4 Ogos 2017 di Astana, Kazakhstan

Pada 31 Julai hingga 4 Ogos 2017 YBhg. Dato' Maimunah Mohd Sharif, Mantan Yang Dipertua MPSP bersama En. Wan Junaidy Bin Yahaya, Pengarah Jabatan Korporat dan Perhubungan Antarabangsa telah menghadiri **Astana Expo 2017: Pocket Talk di Pavillion Malaysia pada 31 Julai hingga 4 Ogos 2017 di Astana, Kazakhstan**.

Program ini diadakan bagi memberikan kesedaran kepada masyarakat antarabangsa tentang masalah penggunaan tenaga secara tidak terkawal akan memberi kesan kepada planet bumi. Astana Expo 2017 mengumpulkan lebih 100 negara di seluruh dunia dengan menggunakan tema “*Future Energy*”. Terdapat juga tema kecil iaitu mengurangkan pelepasan Co2 (karbon), kecekapan tenaga untuk semua. Expo 2017 mencerminkan keadaan tenaga pada masa kini dengan memaparkan penyelesaian yang mampan serata teknologi inovatif.

Hasil daripada Forum ini, pegawai mencadangkan MPSP untuk:

- (i) Meningkatkan tahap keterbukaan minda dan mendengar sebarang pandangan mengenai inovasi tenaga dan memberi perkhidmatan yang terbaik dalam masa yang sama mengekalkan kehijauan bumi.
- (ii) Memperkasakan manifesto “*Malaysia's Green Growth*” secara meluas



Ybhg. Dato' Maimunah Mohd Sharif, Mantan Yang Dipertua MPSP bersama En. Wan Junaidy Bin Yahaya, Pengarah Jabatan Korporat dan Perhubungan Antarabangsa telah menghadiri *Astana Expo 2017: Pocket Talk Di Pavillion Malaysia*.



Ybhg. Dato' Maimunah Mohd Sharif, Mantan Yang Dipertua MPSP semasa pembentangan di Astana, Expo Kazakstan.



YBhg. Dato' Maimunah Mohd Sharif, Mantan Yang Dipertua MPSP bersama panel Malaysia Business Programme.

2017 Suwon Forum on Asia Human City pada 25 hingga 26 September 2017 di Suwon, Republic of Korea

Pada 25 hingga 26 September 2017, YBhg. Dato' Sr Hj Rozali Hj Mohamud, Yang Dipertua dan En Mohammad Aidil Bin Samsuri, Penolong Pengarah Perkhidmatan Perbandaran telah menghadiri 2017 Suwon Forum on Asia Human di Suwon, Republic of Korea.

Semasa di sana YBhg. Dato' Yang Dipertua telah membentangkan kertas kerja bertajuk *City Inclusiveness – Empowerment To Seberang Perai People*.

Hasil daripada menghadiri forum ini pegawai mengambil contoh Bandar Haenggung sebagai *best practice* iaitu dengan mengurangkan penggunaan kereta yang mana penduduk lebih memilih untuk menaiki bas, mengayuh basikal dan berjalan kaki. Hasil daripada *Ecomobility World Congress 2013* ialah seperti kanak-kanak dapat bermain di jalan yang mana sebelum ini jalan-jalan tersebut dipenuhi kenderaan-kenderaan dan lalu lintas yang agak sesak. Warga tua dan golongan kurang upaya juga dapat bersiar-siar dijalanan dengan selamat. Selain itu mereka tidak perlu menghadapi masalah semasa berada di persimpangan. Mereka juga lebih berkomunikasi antara satu sama lain berbanding keadaan sebelum ini yang mana hanya membunyikan hon kereta untuk berkomunikasi.



Ybhg. Dato' Sr Hj Rozali Bin Hj Mohamud bersama -sama datuk bandar yang lain semasa majlis Suwon Declaration of Human City.



YBhg. Dato' Sr Hj Rozali Bin Hj Mohamud membentangkan kertas kerja bertajuk "*Improving governance to achieve sustainability goals*".



Laluan rumah kediaman yang terlibat dengan *car free zone*.

EcoMobility World Festival 2017 and The EcoMobility World Congres 2017 pada 2 hingga 6 Oktober 2017 di Kaohsiung, Taiwan

Pada 2 hingga 6 Oktober 2017, Puan Hjh Rosnani Binti Hj Mahmood, Puan Setiausaha Perbandaran dan Encik Baderul Amin Bin Abdul Hamid, Pengarah Kejuruteraan telah menghadiri *The Ecomobility World Festival 2017 and The Ecomobility World Congress 2017* di Kaohsiung, Taiwan.

Tujuan menghadiri kongres ini adalah untuk mempelajari dan menimba pengalaman serta komitment yang dilakukan oleh negara-negara di dunia dalam pelaksanaan *Ecomobility*.

Hasil daripada lawatan ini pegawai memberikan contoh seperti sistem pengangkutan berorientasikan rakyat dapat menjadi pemangkin untuk menaik taraf sebuah bandar yang didiami dengan menyediakan infrastruktur yang lebih baik.



Gambar beramai-ramai semasa *Ecomobility World Congress*



Puan Hjh Ir Rosnani binti Hj Mahmood, Puan Setiausaha Perbandaran semasa di *Ecomobility World Congress 2017*.



YB Tuan Chow Kon Yeow, Ahli Majlis Mesyuarat Kerajaan Negeri Pulau Pinang
Merangkap Pengerusi Jawatankuasa Kerajaan Tempatan, Pengurusan Lalulintas
& Tebatan Banjir bersama dengan Encik Baderul Amin bin Abdul Hamid, Pengarah Kejuruteraan.


The 6th Asia Smart City Conference 2017 pada 24 hingga 27 Oktober 2017 di Yokohama, Jepun

Pada 24 hingga 27 Oktober 2017, Encik Wan Junaidy Bin Yahaya, Pengarah Korporat dan Perhubungan Antarabangsa telah menghadiri *The 6th Asia Smart City Conference* di Yokohama, Jepun.

6th Asia Smart Cities Conference yang diadakan pada kali ini mempunyai empat (4) *Thematic Meetings* yang mana melibatkan plenary bagi setiap wakil. Setiap wakil yang menghadiri kongres ini mempunyai peluang untuk melibatkan diri dengan kombinasi kepakaran daripada setiap peserta akan memberikan hasil pembangunan bandar pintar yang ideal.

Dapatan yang boleh dilaksanakan oleh oleh MPSP ialah :

- i. Mempertingkatkan dan mewujudkan kesaling hubungan komunikasi antara masyarakat (penduduk) dengan pihak MPSP khasnya bagi mewujudkan sebuah bandar pintar yang berteknologi tinggi.
- ii. Memperkasakan manifesto “Smart and Sustainable Urban” secara meluas di Seberang Perai.
- iii. Memastikan sebarang projek pembangunan yang akan dijalankan adalah bersesuaian dengan persekitaran di samping mengekalkan kehijauan alam sekitar.
- iv. Mengaplikasikan penggunaan teknologi canggih seperti yang dijalankan oleh negara Jepun dalam perkhidmatan keselamatan menangani isu jenayah di semua kawasan tumpuan.
- v. Meningkatkan kualiti hidup dan keselesaan kepada warga perbandaran termasuk OKU, Wanita dan Kanak-Kanak dengan meningkatkan kemudahan prasarana di samping memelihara alam sekitar.
- vi. Pengurusan MPSP dari segi menguruskan operasi bencana, meningkatkan keselamatan, kemampunan persekitaran adalah perlu berdasarkan perlaksanaan skim seperti perkongsian data, strategi pembangunan socio-economic, operasi pusat bandar pintar serta maklumat dan keselamatan seperti penggunaan teknologi Bandar Ho Chi Minh iaitu teknologi cegah banjir, keselamatan makanan, kesihatan (kebersihan), keselamatan awam dan sebagainya.



Suasana semasa di *The 6th Asia Smart City Conference* di Yokoham, Jepun.



En Wan Junaidy Bin Yahaya bersama dengan Encik Toshihiko Oyamatsu dan Prof Naoyuki Kuniyoshi semasa di *The 6th Asia Smart City Conference* di Yokoham, Jepun.

The 2017 Citynet Congress 30th Anniversary pada 4 hingga 10 Novermber 2017 di Colombo, Sri Lanka

Pada 5 hingga 8 November 2017 YBhg. Dato' Yang Dipertua dan En. Mohamad Nizam Bin Md Shariff, Penolong Pengarah Kanan Perbendaharaan telah menghadiri *The 2017 Citynet Congress 30th Anniversary di Colombo, Sri Lanka* pada 4 hingga 10 Nobember 2017.

Kongres ini merupakan ulang tahun yang ke-30 rangkaian Citynet. Sempena program ini Citynet telah memberikan penghargaan kepada MPSP dan ahli Citynet yang lain di atas sokongan yang dibuat melalui hubungan kerjasama yang telah dijalankan. Program ini penting kerana memberi peluang kepada MPSP dan ahli Citynet untuk bersama-sama berbincang dengan ahli congress berkenaan “*Our City, Our Future : Sharing Local Solution for Sustainable Development*”.

Hasil daripada kongres ini pegawai mencadangkan best practice yang boleh dilaksanakan di MPSP ialah *Multi Use Mini Billboard*. *Multi Use Mini Billboard* ialah kombinasi papan kenyataan atau iklan bersama dengan tong sisa bateri/ barang elektronik sebagai tong sampah. Ia dipasang di kawasan tumpuan orang awam khusus bagi kawasan yang sibuk dengan kenderaan dan pejalan kaki. *Mini Billboard* ini boleh memaparkan dua (2) iklan secara roatation (kiri dan kanan) yang boleh menjana pendapatan kepada Majlis melalui permit pengiklanan atau sewaan papan iklan. Selain itu, ia boleh dilaksanakan secara CSR dan profit sharing. Pegawai juga mencadangkan pusingan iklan boleh dilaksanakan samada menggunakan tenaga elektrik atau solar.



Ybhg. Dato' Yang Dipertua bersama panel semasa sesi Mayors' Dialogue



Ybhg. Dato' Yang Dipertua dan bersama dengan En. Mohamad Nizam bin Md Shariff,
Penolong Pengarah Kanan Perbendaharaan semasa di Colombo, Sri Lanka



Contoh Multi Use Mini Billboard yang dicadangkan oleh pegawai
sebagai best practice yang boleh dilaksanakan di Seberang Perai.

LAPORAN UNIT PENTADBIRAN TAHUN 2017

CARTA ORGANISASI



LAPORAN UNIT ADUAN DAN STRATEGIK TAHUN 2017

LAPORAN ADUAN

Aduan diterima daripada orang ramai dan agensi kerajaan melalui pelbagai saluran seperti surat, media, fax, e-mel, telefon, internet, mesyuarat, hadir/lisan, keratan akhbar dan sistem e-PINTAS. Aduan yang mempunyai maklumat dan lokasi yang lengkap akan diproses dalam tempoh 1 hari. Maklum balas diberi kepada pengadu dalam tempoh 5 hari dari tarikh aduan dibuat jika pengadu memberi alamat yang lengkap.

Jendela Pelanggan diadakan setiap bulan pada hari Jumaat minggu pertama (hari bekerja dan sekiranya cuti pada hari tersebut maka ianya akan diadakan pada hari Jumaat minggu berikutnya) mulai jam 10 pagi – 12 tengah hari bertempat di Ruang Lobi, Ibu Pejabat MPSP, Bandar Perda. Di sini pelanggan MPSP berpeluang untuk bertemu dengan Pengarah atau Pegawai Kanan Majlis bagi semua jenis urusan berkaitan MPSP.



Sesi Jendela Pelanggan di Ruang Lobi, MPSP

Statistik Aduan Mengikut Bulan 1 Januari 2017 hingga 31 Disember 2017

Bil	Bulan	Surat	Telefon	Media	Lisan / Hadir	Internet	E-Mail	Mesyuarat	Selesai	Belum Selesai	Jumlah
1	Jan	24	456	0	68	111	224	2	876	8	884
2	Feb	17	464	0	93	111	230	5	903	16	919
3	Mac	39	512	0	90	132	141	8	902	20	922
4	April	28	397	0	76	89	163	11	738	26	764
5	Mei	30	491	0	94	125	235	8	956	27	983
6	Jun	11	381	0	55	102	173	3	695	30	725
7	Julai	18	619	0	121	122	241	4	1080	45	1125
8	Ogos	25	512	0	106	120	247	6	989	27	1016
9	Sept	25	401	0	72	94	231	4	790	37	827
10	Okt	30	435	0	93	133	258	6	871	83	954
11	Nov	18	601	0	117	138	322	4	990	210	1200
12	Dis	16	425	0	79	141	303	0	687	277	964
	Jumlah	281	5694	0	1064	1418	2768	61	10477	806	11283

Statistik Aduan Mengikut Kategori Tertinggi & Daerah Bermula Dari 01/01/2017 Sehingga 31/12/2017

Bil	Kod Kategori Aduan	Nama Kategori Aduan	SPU	SPT	SPS	Jumlah
1	18	Pokok	351 24.88%	795 56.34%	265 18.78%	1411 100%
2	02	Haiwan	328 24.10%	744 54.67%	289 21.23%	1361 100%
3	13	Longkang/Parit	316 27.87%	653 57.58%	165 14.55%	1134 100%
4	20	Sampah	276 25.21%	673 61.46%	146 13.33%	1095 100%
5	04	Jalan	156 19.24%	571 70.41%	84 10.36%	811 100%

Statistik Aduan Mengikut Jabatan Tertinggi Bermula Dari 01/01/2017 Sehingga 31/12/2017

Bil	Nama Jabatan	Jumlah	%
1	Perkhidmatan Perbandaran	2866	20.91
2	Perkhidmatan Kesihatan	2585	18.86
3	Kejuruteraan	2257	16.47
4	Landskap	1646	12.01
5	Pelesenan	1477	10.78
6	Direktorat Penguatkuasaan	1342	9.79
7	Bangunan	879	6.41
8	Khidmat Pengurusan	225	1.64
9	Pesuruhjaya Bangunan	200	1.46
10	Perancang Bandar	114	0.83
11	Kemasyarakatan	50	0.36
12	Perbendaharaan	30	0.22
13	Penilaian Dan Pengurusan Harta	25	0.18
14	Undang-Undang	9	0.07
15	Korporat Dan Perhubungan Antarabangsa	0	0


1. Laporan Pencapaian Pelaksanaan Fokus Tahun 2017

Pada tahun 2017, MPSP telah menghasilkan buku Fokus MPSP 2017. Fokus ini merupakan pelan perancangan tahunan MPSP yang diterjemahkan dari Pelan Strategi Lima (5) Tahun MPSP 2014-2018. Fokus MPSP 2017 merupakan satu tindakan jangka pendek yang dirangka bagi memastikan Pelan Strategi MPSP 2014-2018 dicapai.

Sembilan (9) Fokus Strategi bagi tahun 2017 yang telah dibentuk adalah seperti berikut :-

1. Kebersihan
2. Keselamatan & Lalulintas
3. Penguatkuasaan Undang - Undang
4. Kawalan Banjir
5. Pengindahan , Kehijauan dan Kemudahan Awam
6. Penglibatan Komuniti
7. Pembinaan Kapasiti
8. Pengukuhan Fiskal
9. Kecekapan Proses Kerja

Kesemua Fokus Strategi ini didokong oleh 97 Program dan 151 Aktiviti bagi mencapai Visi dan Misi MPSP yang telah ditetapkan. Pencapaian pelaksanaan Fokus MPSP 2017 adalah seperti berikut :-



2. Laporan Anugerah Inovasi Pihak Berkuasa Tempatan (AIPBT)

MPSP telah menyertai Anugerah Inovasi Pihak Berkuasa Tempatan (AIPBT) yang dianjurkan oleh Kementerian Kesejahteraan Bandar, Perumahan dan Kerajaan Tempatan (KPKT) dengan mencalonkan sebanyak 22 inovasi dan telah disenarai pendek oleh KP KT untuk sesi lawatan panel penilaian.

Sesi lawatan panel penilai AIPBT ini telah dijalankan pada 26 Mei 2017 yang diketuai oleh YBhg. Dato Halimi Bin Abd Manaf, Timbalan Ketua Setiausaha KP KT dan seramai enam (6) panel penilai AIPBT 2017 serta lima (5) orang urus setia daripada KP KT turut terlibat dalam sesi lawatan panel penilai tersebut.







3. Laporan Kumpulan Inovatif dan Kreatif (KIK)

Pasukan KIK MPSP 2017, kumpulan THO-IFAH e3 yang terdiri daripada pegawai dan kakitangan Jabatan Kejuruteraan, Perbendaharaan dan Bangunan telah berjaya mendapat tempat ketiga dlm Konvensyen KIK Peringkat Negeri P.Pinang 2017 (Kategori Inovasi Sosial). Tajuk KIK2017 adalah Anti Theft Sliding Service Door For Lamp Post - A.TESS DOOR 2.0

Pasukan KIK2017 juga turut memenangi Anugerah Persembahan Terbaik 2017 dan ini merupakan tahun ke 4 berturut-turut MPSP memenangi anugerah ini.





4. Laporan Anugerah Inovasi Peringkat Negeri Pulau Pinang (AIKN) Tahun 2017

Majlis Sambutan Hari Inovasi Peringkat Negeri Pulau Pinang Tahun 2017 telah diadakan pada 28 November 2017 dan dirasmikan oleh Yang Berbahagia Dato' Haji Ghazali bin Derahman, Timbalan Setiausaha Kerajaan Negeri Pulau Pinang. MPSP telah memenangi Johan untuk projek Sistem Selenggara Kenderaan (SISKEN 2.0) daripada Jabatan Kejuruteraan dan tempat ketiga untuk projek E-COB daripada Jabatan Pesuruhjaya Bangunan bagi Anugerah Inovasi Kerajaan Negeri Pulau Pinang Tahun 2016 kategori ICT.





Laporan Pembentukan Pelan Strategi Seberang Perai 2018-2022

Pelan Strategi Seberang Perai (PSSP) 2018-2022 merupakan dokumen dua hala perancangan strategik untuk tempoh lima (5) tahun bermula 2018 dan akan tamat pada tahun 2022. PSSP 2018-2022 merupakan kesinambungan daripada pelan Strategi MPSP 2014-2018 terdahulu dan dimantapkan lagi supaya ianya seiring dengan perkembangan semasa sebagai persediaan menghadapi isu-isu yang akan dihadapi pada masa hadapan.

SESI 'TOWN HALL' KONSULTASI PEMBENTUKAN PELAN STRATEGI SEBERANG PERAI 2018-2022.

PERKARA	PROMOSI OGOS 2017 (tempoh bayaran dari 1.8.2017 hingga 31.8.2017)
Bilangan Transaksi	45,757
Bilangan Layak	22,327 akaun
Jumlah Kutipan	RM35.27 juta



Pengiktirafan Sijil Pematuhan SAGA (Standard Accounting System For Government Agencies)

Pada 22 November 2017, Majlis telah mendapat pengiktirafan sijil pematuhan SAGA (*Standard Accounting System For Government Agencies*) daripada YBrs Tuan Saat bin Esa, Akauntan Negara Malaysia di The Light Hotel, Seberang Jaya, Pulau Pinang, di mana MPSP merupakan PBT yang ke-empat (ke-4) di Malaysia dan PBT yang pertama di utara Semenanjung Malaysia yang menerima persijilan ini.

Pensijilan Pematuhan SAGA ini adalah satu pengiktirafan dan perakuan daripada Jabatan Akauntan Negara Malaysia ke atas:

- ciri-ciri keselamatan dalam sistem perakaunan kewangan MPSP (dengan adanya jejak audit dan penggunaan kaedah penyulitan dalam pemindahan data ke bank);
- produktiviti dan efisiensi sistem perakaunan kewangan MPSP (penggunaan konsep *single-point data entry* untuk kemaskini maklumat dalam semua sistem yang berkaitan telah mempercepatkan proses kerja dan laporan kewangan boleh dijana mengikut keperluan *stakeholder*); dan
- konsep amalan terbaik yang diterima umum untuk sistem perakaunan kewangan yang dibangunkan sendiri oleh MPSP

Anugerah pensijilan pematuhan SAGA ini bukan sahaja menandakan kemantapan sistem pengurusan perakaunan dan kewangan MPSP, tetapi juga meningkatkan keyakinan *stakeholder* dalam pengurusan perakaunan dan kewangan MPSP serta menandakan komitmen MPSP bergerak ke arah bandaraya pintar menjelang 2022.



Team Kewangan bersama Yang Dipertua MPSP, Dato' Sr Hj Rozali Bin Hj Mohamud, di Majlis Penganugerahan Sijil Pematuhan SAGA pada 22 November 2017 di The Light Hotel, Seberang

Sesi “Town Hall” Dialog Bajet MPSP 2018

Tahun 2017 merupakan tahun ke-enam (ke-6) Majlis mengadakan Sesi “Town Hall” Dialog Bajet MPSP bersama komuniti. Sesi “Town Hall” Dialog Bajet MPSP 2018 telah diadakan pada 13 Mei 2017 (Sabtu) di Iconic Hotel, Icon City dan dihadiri oleh 185 orang yang terdiri daripada Wakil Parlimen, YB Adun, Wakil YB Adun, Penyelaras Kadun, Ahli Majlis-Ahli Majlis MPSP, Ketua-Ketua Jabatan MPSP, Pegawai-Pegawai MPSP, Agensi-Agenzi Kerajaan, Agensi Swasta, Penang Women's Development Corporation (PWDC), Pertubuhan-Pertubuhan Bukan Kerajaan (NGO), ThinkCity, wakil-wakil daripada JKKK, Rukun Tetangga, Persatuan Penduduk dan Briged-Briged Wanita.

Objektif Sesi “Town Hall” Dialog Bajet MPSP 2018 diadakan bersama komuniti adalah seperti berikut: -

- (i) Sesi ini adalah bertujuan untuk melibatkan wakil komuniti serta penduduk Seberang Perai dalam merangka Bajet 2018 dengan memberi input, pandangan dan cadangan bagi menambahbaik perkhidmatan MPSP;
- (ii) Selain itu, objektif sesi ini juga adalah bagi menggalakkan penyertaan komuniti dalam program dan tadbir urus MPSP;
- (iii) Sesi ini adalah untuk mengenalpasti pendekatan-pendekatan baru dalam pelaksanaan perkhidmatan dengan sumber-sumber yang terhad;
- (iv) Sesi “Town Hall” Dialog Bajet MPSP 2018 juga merupakan platform untuk berinteraksi secara langsung dengan penduduk; dan
- (v) Di samping itu, Sesi ini juga untuk meningkatkan kecekapan tadbir urus (*good governance*).

Dalam Sesi “Town Hall” Dialog Bajet ini, hasil Soal Selidik Bajet Tahun 2018 yang berlandaskan *Gender Responsive and Participatory Budgeting (GRPB)* telah dibincangkan dengan lebih terperinci bersama dengan peserta dialog bajet.

Hasil perbincangan lapan (8) kumpulan yang terlibat dalam Sesi “Town Hall” Dialog Bajet MPSP 2018 dapat dirumuskan lapan (8) perkara seperti berikut: -

- (i) Komuniti – penglibatan orang ramai di dalam program anjuran MPSP amat dialu-alukan seperti Car Free Morning, “Smart and Partnership” menunjukkan hubungan di antara MPSP dan orang awam. Ia juga merujuk kepada 4Ps’ iaitu “public, private, people and partnership”
- (ii) Kebersihan – Orang awam perlu bekerjasama dengan MPSP di dalam mengurangkan *solid waste*.
- (iii) Pelancongan dan Warisan – Aspek pelancongan perlu mendapat kerjasama agensi-agensi luar bagi memperkenalkan pelancongan dan warisan setempat.
- (iv) Penguatkuasaan Undang-Undang – Kerjasama dari orang ramai diperlukan bagi tindakan penguatkuasaan yang dijalankan oleh MPSP.
- (v) Pengindahan dan Kehijauan – sokongan dari JKKK, RT dan orang ramai supaya tidak membuat vandalisme seperti pembakaran tong sampah dan alat permainan.
- (vi) Kawalan Banjir – Semua agensi yang terlibat dalam operasi penguatkuasaan bersepada hendaklah sentiasa bekerjasama dalam melaksanakan aktiviti penguatkuasaan bersepada dan menjalankan tindakan dengan cekap.
- (vii) Kawalan Lalu Lintas – kerjasama orang awam dan MPSP bagi menangani isu lalu lintas di Seberang Perai
- (viii) Infrastruktur dan Perkhidmatan Awam – projek penambahbaikan jadual dan laluan perkhidmatan di pondok-pondok bas oleh Rapid Penang

Semua cadangan, idea dan hasil perbincangan ini akan diambil kira dalam pengagihan peruntukan Majlis bagi tahun 2018 serta dipraktikkan dalam pengurusan dan pentadbiran Majlis bagi menambahbaik kualiti perkhidmatan Majlis.



Sesi “Town Hall” Dialog Bajet MPSP 2018 pada 13 Mei 2017 di Iconic Hotel, Icon City
Bukit Mertajam.



JABATAN PERKHIDMATAN PERBANDARAN

LAPORAN TAHUNAN 2017

JABATAN PERKHIDMATAN PERBANDARAN

PENDAHULUAN


Jabatan Perkhidmatan Perbandaran ditubuhkan mulai 15 Oktober 2009 berikutan penstrukturkan semula MPSP. Kewujudannya adalah hasil gabungan beberapa fungsi dari jabatan-jabatan yang berbeza namun mempunyai bidang tugas yang saling berkait rapat, seperti berikut:

- Pembersihan Am dan pelupusan sampah, Jabatan Perkhidmatan Kesihatan
 - Penyelenggaraan Taman dan Rekreasi, Jabatan Perancang Bandar
 - Penyelenggaraan Parit dan Longkang, Jabatan Kejuruteraan

Namun pada 1.4.2014 perkhidmatan penyelenggaraan taman dan rekreasi telah dijadikan satu entity yang berasingan atau dipisahkan daripada perkhidmatan perbandaran. Begitu juga dengan perkhidmatan penyelenggaraan parit dan longkang yang telah dikembalikan ke Jabatan Kejuruteraan pada 15.10.2013. Pada 15.4.2014 pula Unit Kitar Semula telah dipindah dan diperkasakan di Jabatan Kemasyarakatan.

FUNGSI DAN PERANAN

- Mewujudkan persekitaran dan kejiranan yang bersih dan selesa di Seberang Perai.
 - Melipatgandakan usaha pengawalan, pengurusan dan penyeliaan yang lebih efektif ke atas tapak pelupusan dan pemindahan sampah disamping pengamalan kaedah-kaedah yang positif dengan impak negatif paling minima.
 - Menggalakkan penglibatan komuniti dengan aktiviti pengasingan di punca melalui peningkatan kesedaran masyarakat terhadap program kitar semula serta;
 - Menguatkuasakan Undang-Undang Kecil MPSP dan mendidik orang ramai menjaga kebersihan disamping pemeliharaan dan keindahan alam sekitar.




Unit Pentadbiran

- Memastikan semua dasar dan arahan Ketua Jabatan serta Majlis dilaksana dengan jaya dan berkesan
- Menguruskan penyelenggaraan dan penggunaan kenderaan-kenderaan jabatan
- Mengurus hal-hal berkaitan surat menyurat jabatan
- Mengurus hal berkaitan dengan perkhidmatan kakitangan jabatan
- Menyelaras hal berkaitan tata tertib dan disiplin kakitangan jabatan
- Menyelaras mesyuarat, kursus dan latihan untuk kakitangan jabatan
- Mengurus perolehan dan bekalan barang dan peralatan guna sama untuk semua unit dalam jabatan
- Mengurus pengawalan stok, inventori, aset dan pelupusan barang lama jabatan
- Menyelaras maklumbalas aduan dan mesyuarat

JUMLAH PEKERJA KUMPULAN SOKONGAN II MENGIKUT PEJABAT OPERASI PERBANDARAN BAGI TAHUN 2017

PEJABAT OPERASI	PEMANDU	MANDOR	PEMBANTU AWAM	JUMLAH
Bertam	12	15	196	223
Padang Cempedak	11	15	189	215
Bagan Lallang	17	13	285	315
Ampang Jajar	16	13	282	311
Berapit	20	12	225	257
Jalan Betek	11	14	213	238
Asas Murni	12	8	195	215
Inderawasih	11	9	257	277
Jawi	22	14	339	375
Pejabat	2	0	1	3
JUMLAH	136	113	2182	2429

AGIHAN TENAGA KERJA KUMPULAN SOKONGAN II
MENGIKUT PEJABAT OPERASI PERBANDARAN BAGI TAHUN 2017



JUMLAH KAKITANGAN JABATAN PERKHIDMATAN PERBANDARAN MENGIKUT LOKASI PENEMPATAN TAHUN 2017

JAWATAN	Gred	P41	P42	P43	P44	P45	P46PL	P46AM	P46 IW	P47	PEJ	JUMLAH
Pengarah	U52	0	0	0	0	0	0	0	0	0	1	1
Penolong Pengarah Kanan	N44	0	0	0	0	0	0	0	0	0	1	1
Penolong Pengarah	N41	0	0	0	0	0	0	0	0	0	2	2
Penolong Pengarah	U41											
Ketua Pen. Peg. Kesihatan Pers. Kanan	U36	0	0	0	0	0	0	0	0	0	1	1
Penolong Pegawai Tadbir Kanan	N36	0	0	0	0	0	0	0	0	0	1	1
Pen. Peg. Kesihatan Pers. Kanan	U32	0	0	0	0	0	0	0	0	0	2	2
Pen. Pegawai Kesihatan Persekitaran	U29	0	1	1	1	1	1	1	1	0	0	7
Penolong Pegawai Senibina	J29	1	0	0	0	0	0	0	0	0	1	1
Pembantu Tadbir Kanan	N22	0	0	0	0	0	0	0	0	0	1	1
Pembantu Kesihatan Awam Kanan	U22	1	0	1	0	1	1	1	1	0	0	6
Pembantu Tadbir	N19	1	1	1	0	1	1	1	1	0	9	16
Pembantu Penguatkuasa./Penyelia	N19	1	3	3	2	5	3	2	3	3	0	25
Pembantu Kesihatan Awam	U19	2	1	0	2	0	1	0	1	3	0	10
Pembantu Awam/Mandor	H11	15	15	13	13	12	14	8	9	14	0	113
Pembantu Awam	H11	196	189	285	282	225	213	195	157	339	1	2182
Pembantu Am Pejabat	H11	0	0	0	0	0	0	0	0	0	1	1
Pemandu	H11	12	11	17	16	20	11	12	11	22	2	136
JUMLAH		229	221	321	316	265	245	220	284	381	23	2506

**JUMLAH KENDERAAN PERKHIDMATAN PERBANDARAN YANG SEDANG BEROPERASI
MENGIKUT TAHUN DARI 2014 HINGGA 2017**

KENDERAAN	2014	2015	2016	2017
LORI KOMPAKTOR	69	71	71	68
LORI TERBUKA	13	15	14	14
RO-RO	17	18	17	17
PICK UP	1	1	1	1
BACK HOE	6	7	7	5
KREN	7	9	8	8
TRAKTOR	5	3	6	5
TIPPER	28	52	63	63
ROAD SWEEPER	3	3	3	3
HIGH PRESSURE JETTING	3	3	3	3
MOTOSIKAL	0	10	9	9
LAND CRUISER	1	1	1	1
JUMLAH	153	193	203	196

Sepanjang tahun 2017 Jabatan Perkhidmatan Perbandaran masih mengekalkan kenderaan sedia ada selaras dengan keputusan Kerajaan Negeri Pulau Pinang untuk MPSP melaksanakan sistem kutipan sampah secara “in-house” dan tidak lagi mengkontrakkan kerja-kerja tersebut.



JUMLAH KENDERAAN JABATAN PERKHIDMATAN PERBANDARAN MENGIKUT LOKASI PENEMPATAN TAHUN 2017

JENIS	P41	P42	P43	P44	P45	P46PL	P46AM	P46 IW	P47	JUMLAH
LORI KOMPAKTOR	7	6	8	8	10	6	6	6	11	68
LORI TERBUKA	1	1	3	2	2	2	1	1	1	14
RO-RO	2	2	4	2	1	1	1	2	2	17
PICK UP					1					1
BACK HOE	1		1	1	1				1	5
KREN		1	1	2	1	1	1		1	8
TRAKTOR	1			1	1		1		1	5
TIPPER	6	6	7	8	8	5	5	8	10	63
ROAD SWEEPER			1	1					1	3
HIGH PRESSURE JETTING	1			1					1	3
MOTOSIKAL	1	1	2	1	1	1	1	1	1	9
JUMLAH	20	17	27	27	26	16	16	17	30	196

Berdasarkan jadual di atas menunjukkan bahawa sejumlah besar kendaraan milik MPSP diuruskan dan dikawal oleh Jabatan Perkhidmatan Perbandaran. Ini sekaligus menyatakan bahawa semua aset Jabatan Perkhidmatan Perbandaran digunakan untuk memberikan perkhidmatan yang terbaik kepada rakyat Seberang Perai.

SENARAI ALATAN DAN MESIN JABATAN PERKHIDMATAN PERBANDARAN MENGIKUT LOKASI PENEMPATAN TAHUN 2017

DEPO	Mesin Rumput	Blower	Chainsaw	JUMLAH
BERTAM	50	10	3	65
PADANG CEMPEDAK	41	10	2	55
BAGAN LALANG	55	12	5	74
AMPANG JAJAR	54	8	3	68
BERAPIT	44	8	3	59
PADANG LALANG	48	11	3	65
ASAS MURNI	41	4	2	48
INDERAWASIH	41	6	1	50
JAWI	65	8	2	77
PEJABAT	-	-	-	-
JUMLAH	439	77	24	561

Berikut merupakan senarai aset mudah alih Jabatan iaitu mesin-mesin yang digunakan dalam perlaksanaan kerja-kerja di lapangan. Ini adalah selaras dengan perkhidmatan Kerja Pembersihan Awam yang dilakukan secara 'in-house' tanpa menggunakan kontraktor lagi. Selain itu, penyelarasan tugas-tugas pemotongan rumput di antara Jabatan dengan Jabatan Landskap juga telah mewujudkan keperluan untuk pembelian mesin baru pada tahun 2017.



Unit Pembersihan

- Mengurus dan menjalankan aktiviti-aktiviti pembersihan parit, longkang dan penyapuan jalan seluruh Seberang Perai
- Memantau dan mengawal aktiviti pembersihan oleh kontraktor yang dilantik oleh MPSP
- Mengurus dan menjalankan aktiviti kutipan sampah di seluruh Seberang Perai
- Mengurus dan menyelaras aktiviti-aktiviti pemotongan rumput di taman-taman permainan awam.
- Mengurus aktiviti pemotongan rumput bahu jalan di jalan-jalan negeri




**SEBAHAGIAN DARIPADA AKTIVITI-AKTIVITI PEMBERSIHAN
SEPERTI KUTIPAN SAMPAH, PEMOTONGAN RUMPUT DAN
PEMBERSIHAN JALAN YANG TELAH DIJALANKAN
SEPANJANG TAHUN 2017**

SAMPAH YANG DILUPUS MENGIKUT PECAHAN DOMESTIK DAN INDUSTRI BAGI TAHUN 2011 HINGGA 2017

Tahun	Domestik	Industri	JUMLAH
2011	212,644	189,022	401,667
2012	220,110	163,086	383,196
2013	230,728.18	196,978.03	427,706.21
2014	233,530.45	200,644.64	434,174.59
2015	235,770.91	204,689.49	440,460.40
2016	239,557.82	194,450.69	434,008.51
2017	202,986.56	169,256.31	372,242.87

**BERAT SAMPAH DILUPUS (TAN)
MELALUI STESEN PEMINDAHAN AMPANG JAJAR (TPAJ)
DAN TAPAK PELUPUSAN PULAU BURUNG
BAGI TAHUN 2009 HINGGA 2017**




Sebanyak 372,242.87 tan metrik sampah telah dilupuskan oleh MPSP sepanjang tahun 2017. Jumlah ini telah menurun sebanyak 4.59% daripada 434,008.51 tan metrik pada tahun sebelumnya. Sepanjang tempoh 7 tahun MPSP menyaksikan trend penurunan jumlah sampah yang dilupuskan daripada 401,667 pada tahun 2011 kepada 372,242.87 pada tahun 2017.

Pecahan sampah mengikut kategori domestik dan sisa industri bagi tahun 2017 masing-masing adalah sebanyak 202,986.56 dan 169,256.31 tan metrik. Jumlah sampah domestik adalah sebanyak 14.9% melebihi sampah industri dan menjadi penyumbang utama untuk keseluruhan jumlah sampah di Seberang Perai. Pengurangan sampah industri adalah kejayaan kepada kempen kesedaran dan pendidikan kitar semula yang ditumpukan kepada pemilik industri.

Jumlah sampah yang dilupuskan di Seberang Perai secara keseluruhannya semakin berkurangan. Namun jumlah sampah yang dilupuskan melalui SPAJ terus meningkat walaupun dalam skala yang kecil iaitu sebanyak 4,119.55 tan pada tahun 2012 berbanding tahun sebelumnya iaitu sebanyak 11,467.00 tan. Pelupusan sampah melalui TPBB terus berkurang sebanyak 22,590.41 tan pada tahun 2012 menjadikan jumlah sampah sebanyak 206,948.73 pada tahun 2012.

TREN BERATAN SAMPAH YANG DIPROSES UNTUK PELUPUSAN OLEH MPSP TAHUN 2007-2017



PENGASINGAN SISA DIPUNCA

Kerajaan negeri Pulau Pinang telah melaksanakan Dasar Pengasingan Sisa Dipunca pada 1 Jun 2016 dan dikuatkuasakan pada 1 Jun 2017. Pengasingan sampah dua aliran (two waste stream) telah dilaksanakan iaitu dengan mengasingkan barang kitar semula kering dari sisa baki. Berikut merupakan kategori-kategori yang terlibat dalam perlaksanaan Dasar ini, iaitu :-

Pusat Pengumpulan



Tong Individu



TUJUAN/ JUSTIFIKASI DASAR

Mengurangkan kos pelupusan sisa di TPPB


Mengurangkan pembaziran dan sumber dapat digunakan untuk tujuan yang lebih bermanfaat.

Menggalakkan pihak industri mengamalkan kitar semula dan mengurangkan pembuangan sisa.

Menggalakkan inovasi dan penghasilan produk-produk baru bersumberkan sisa industri/perdagangan

Manjangan jangka hayat TPPB dan mengurangkan pencemaran alam sekitar.

Selari dengan dasar Kerajaan Negeri yang mempraktikkan amalan hijau, zero waste / waste minimization dan low carbon initiative



RINGKASAN KESELURUHAN LAPORAN DASAR PENGASINGAN SISA DI PUNCA MENGIKUT BULAN 2017

BULAN	PREMIS DIPERIKSA	PREMIS MELAKSANA	PREMIS MELAKSANA KURANG TEPAT	PREMIS TIDAK MELAKSANA	NOTIS
JANUARI	10,886	3,321	4,798	2,767	7,565
FEBRUARI	11,390	3,216	4,405	3,769	8,174
MAC	13,489	4,516	5,424	3,549	8,973
APRIL	13,614	5,213	3,961	4,440	8,401
MEI	11,978	6,211	3,608	2,159	5,767
JUN	24,086	9,388	8,621	6,077	14,698
JULAI	14,303	6,763	4,681	2,859	7,540
OGOS	13,990	5,998	4,397	3,595	7,992
SEPTEMBER	12,069	4,699	4,429	2,941	7,370
OKTOBER	13,661	5,559	4,766	3,336	8,102
JUMLAH KESELURUHAN	139,466	54,884	49,090	35,492	84,582

CLEANER, GREENER, HEALTHIER & SAFER PENANG


Kesedaran dalam kalangan warga Seberang Perai untuk turut serta memelihara kebersihan kawasan terus meningkat. Pada tahun 2017 jumlah permohonan peralatan gotong-royong yang diterima adalah sebanyak 439 berbanding tahun-tahun sebelumnya iaitu sebanyak 539(2016) dan 601(2015). Jumlah ini dijangka akan terus meningkat berikutan perlaksanaan sistem tempahan peralatan gotong royong secara on line yang meningkatkan kecekapan dalam penyampaian dan penyimpanan. Jumlah permohonan peralatan gotong royong yang tinggi diterima melibatkan kawasan bandar seperti Bagan, Bukit Mertajam dan Batu Kawan berbanding kawasan luar Bandar.

**JUMLAH AKTIVITI GOTONG ROYONG YANG MEMOHON BANTUAN PERALATAN JABATAN PERKHIDMATAN PERBANDARAN
MENGIKUT LOKASI DEPOH PEMBERSIHAN DARI TAHUN 2014 HINGGA 2017**

Tahun	BER	PDG C	B LLG	A J	BERAPIT	JB	AM	IWH	JAWI	JUMLAH
2014	34	52	86	63	51	65	17	-	79	447
2015	52	97	81	106	68	72	28	-	97	601
2016	60	84	77	92	61	45	43	-	77	539
2017	46	70	48	91	35	27	26	32	64	439

Tindakan penguatkuasaan yang berterusan bertujuan mendidik masyarakat untuk mematuhi undang-undang di samping memelihara keindahan dan kebersihan Seberang Perai.

Sepanjang tahun 2017 sebanyak 2,173 kompaun telah dikeluarkan. Jumlah ini menunjukkan pengurangan berbanding jumlah tahun 2016. Ini adalah dijangka disebabkan program pendidikan yang banyak dilakukan telah menyebabkan masyarakat Seberang Perai semakin mengikuti peraturan yang telah ditetapkan.



**JUMLAH KOMPAUN YANG DIKELUARKAN ATAS KESALAHAN KEBERSIHAN OLEH
JABATAN PERKHIDMATAN PERBANDARAN UNTUK TAHUN 2013 HINGGA 2017**

Tahun	2013	2014	2015	2016	2017
JUMLAH KOMPAUN	968	2,906	3,547	2,173	2,093



JABATAN KEMASYARAKATAN

LAPORAN TAHUNAN 2017

JABATAN KEMASYARAKATAN

Jabatan Kemasyarakatan mempunyai kekuatan kakitangan seramai 73 orang yang diketuai oleh Pengarah Kemasyarakatan dan dibantu oleh 3 unit yang terdiri seperti di bawah :

Bahagian

- Unit Pentadbiran & Perhubungan Awam
- Unit Eko Komuniti
- Unit Sukan & Sosial

FUNGSI JABATAN

- Menyelia dan menyelenggara kompleks sukan dan dewan di bawah pentadbiran MPSP termasuk kemudahan-kemudahan yang disediakan.
- Merancang dan melaksana program sukan.
- Meningkatkan mutu sukan sejarar dengan keperluan semasa dalam kalangan masyarakat Seberang Perai.
- Mengembangkan minat sukan dalam kalangan kakitangan MPSP dan masyarakat.
- Bekerjasama dengan agensi-agensi kerajaan, swasta dan lain-lain pertubuhan dalam penganjuran aktiviti sukan dan sosial.
- Meningkatkan imej MPSP melalui pencapaian dalam bidang sukan dan sosial.
- Menguruskan lawatan ke luar dan dalam MPSP, permohonan cenderamata dan penggunaan bilik mesyuarat.
- Menerbitkan Laporan Tahunan, Buletin dan risalah-risalah berkaitan dengan Majlis dan kalendar tahunan.
- Menjadi Sekretariat LA21.
- Mengendalikan Majlis-Majlis Rasmi MPSP.
- Menyelaraskan keratan akhbar dan semua hal berkaitan dengan akhbar.

LAWATAN DAN KUNJUNGAN

Sepanjang tahun 2017, Majlis Perbandaran Seberang Perai telah menerima lawatan dan kunjungan hormat dari seramai 649 orang pelawat sepanjang tahun 2017. Kebanyakan kunjungan dan lawatan adalah untuk mempelajari (benchmark) dan juga membeli sistem-sistem yang digunakan di Majlis, contohnya Sistem Kewangan dan Cukai Taksiran, Sistem Penilaian dan sebagainya. Bagi IPTA pula lawatan adalah bertujuan untuk memahami dan mempelajari Kaedah Pengurusan Hartanah yang digunakan oleh MPSP dan mempelajari serba sedikit mengenai program kitar semula.

BIL	TARIKH	NAMA AGENSI	BIL. PELAWAT	TUJUAN	KATEGORI LAWATAN
1	24/4/2017	Dewan Bandaraya Kuching Utara, Sarawak	10	Mempelajari Maklumat dan penambahbaikan inovasi yg dilakukan dalam meningkatkan produktiviti kerja	Peringkat Kerajaan Tempatan
2	7/2/2017	Majlis Bandaraya Shah Alam	8	Jawatankuasa Audit Dalaman	Peringkat Kerajaan Tempatan
3	13/2/2017	Suruhanjaya Pelabuhan Pulau Pinang	26	Lawatan Kerja 5S	Peringkat Kerajaan Tempatan
4	22/2/2017	Majlis Daerah Pontian	42	Local Agenda 21 dan Low Carbon Society	Peringkat Kerajaan Tempatan
5	27/2/2017	Majlis Daerah Kuala Langat	52	Pelaksanaan Kempen Tanpa Beg Plastik & Polisterina dan LA 21 (Lawatan ke Taman Pandan, Butterworth -Kebun Kejiranan, Tapak Kitar Semula dan	Peringkat Kerajaan Tempatan

BIL	TARIKH	NAMA AGENSI	BIL. PELAWAT	TUJUAN	KATEGORI LAWATAN
6	6/4/17	Majlis Perbandaran Manjung	7	Taklimat dan penerangan berkaitan Galeri MPSP	Peringkat Kerajaan Tempatan
7	11/4/17	Universiti Sains Malaysia, Bertam	20	Lawatan Kerja Amalan 5S	Peringkat Pengajian Tinggi
8	13/4/17	Majlis Perbandaran Temerloh	12	Bertukar pandangan dan mengenalpasti masalah serta cara penyelesaian bagi memastikan sistem OSC Online berjalan lancar	Peringkat Kerajaan Tempatan
9	18/4/17	Kperak Implemetation & Coordination Corporation	16	Lawatan Kerja Ilmu Berkaitan Protokol & Tindakan Penguatkuasan Ke Atas Pembinaan Menara Komunikasi Tanpa Permit	Peringkat Kerajaan Tempatan
10	5/5/17	Majlis Perbandaran Hang Tuah Jaya	32	Perkongsian maklumat berkaitan Sistem Pengurusan Tenaga	Peringkat Kerajaan Tempatan
11	5/5/17	Majlis Perbandaran Muar	20	Mempelajari Kaedah Sumpitan Pelali Anjing	Peringkat Kerajaan Tempatan
12	16/5/17	Lembaga Kemajuan Bintulu (BDA)	13	Sustainable development & New Urban Agenda 2030 (Strategic Planning)	Peringkat Kerajaan Tempatan
13	17/5/17	Majlis Perbandaran Klang	11	Pembangunan sistem Pengurusan Kewangan	Peringkat Kerajaan Tempatan
14	18/5/17	Majlis Perbandaran Dungun	37	Pembangunan sistem bagi Penilaian Cukai Taksiran dan Pengurusan Kewangan	Peringkat Kerajaan Tempatan
15	20/7/2017	Majlis Perbandaran Subang Jaya	18	Perkongsian maklumat berkaitan Sistem Keselamatan & Kesihatan Pekerjaan. Sulaiman	Peringkat Kerajaan Tempatan
16	27/7/2017	Majlis Bandaraya Johor Bahru	28	Memberikan pendedahan yang lebih meluas dan percambahan idea bagi Polis Bantuan menjalankan tugas sehari-hari dan menguatkuaskan undang-undang yang terpakai dalam pentadbiran PBT	Peringkat Kerajaan Tempatan
17	27/7/2017	Majlis Daerah Marang	36	Lawatan bermaklumat Majlis Daerah Marang terus ke Tapak Pelupusan Sisa Pepejal Sanitari Pulau Burung, Pulau Pinang	Peringkat Kerajaan Tempatan
18	3/8/2017	Majlis Perbandaran Dungun	6	Lawatan untuk melihat Sistem Perkaunan MPSP	Peringkat Kerajaan Tempatan
19	14/8/2017	Penggerak Komuniti Muda Pulau Pinang	30	Lawatan untuk Mendalami selok-blok dan pengalaman pentadbiran tempatan	Peringkat Kerajaan Tempatan
20	14/9/2017	Majlis Perbandaran Muar	27	Lawatan untuk mempelajari usaha-usaha ke arah pembudayaan kebersihan persekitaran dan meningkatkan tahap kesedaran awam.	Peringkat Kerajaan Tempatan
21	15/9/2017	Dewan Bandaraya Kuala Lumpur	7	Melihat proses berkaitan pengurusan kutipan dan tunggakan cukai taksiran serta pusat pengurusan inovis setempat	Peringkat Kerajaan Tempatan
22	25/9/2017	Dewan Bandaraya Kuala Lumpur	25	Lawatan untuk mempelajari landskap Seberang Perai	Peringkat Kerajaan Tempatan
23	29/9/2017	Majlis Bandaraya Shah Alam	25	Lawatan untuk membudayakan wacana intelektual & KIK Success Story	Peringkat Kerajaan Tempatan

BIL	TARIKH	NAMA AGENSI	BIL. PELAWAT	TUJUAN	KATEGORI LAWATAN
24	2/10/2017	Universiti Sains Malaysia	52	Perkembangan Pertumbuhan bandar-bandar baharu & Proses Kelulusan Pelan Pembinaan	Peringkat Kerajaan Tempatan
25	19/10/2017	Majlis Bandaraya Ipoh, Perak	27	Mempelajari Proses Kerja berkaitan Operasi Tindakan Tahanan Harta Alih (Sitaan/Rampasan)	Peringkat Kerajaan Tempatan
26	24/10/17	Universiti Teknologi Mara (Cawangan Perak)	22	Menjalankan Kajian Rancangan Kawasan Khas dengan Memberi Tumpuan kepada Bandar Perda	Peringkat Kerajaan Tempatan
27	25/10/17	Majlis Bandaraya Pulau Pinang	14	Mempelajari Sistem Penilaian dan Cukai Kadaran Seberang Perai	Peringkat Kerajaan Tempatan
28	5/12/2017	Dewan Bandaraya Kuching Utara	20	Mempelajari Kaedah Sumpitan Pelali Anjing	Peringkat Kerajaan Tempatan
29	21/12/2017	Lembaga Kemajuan Wilayah Kedah (KEDA)	6	Mempelajari Sistem Penilaian dan Cukai Kadaran Seberang Perai	Peringkat Kerajaan Tempatan

PENGURUSAN & PENYELENGGARAAN KOMPLEKS-KOMPLEKS SUKAN MPSP

Majlis mempunyai 6 buah kompleks sukan dan dewan seperti di bawah dan diuruskan oleh Jabatan Kemasyarakatan iaitu :


- Kompleks Sukan Bertam, Kepala Batas
- Kompleks Sukan & Rekreasi Sony, Seberang Jaya
- Kompleks Sukan Jalan Betek, Bukit Mertajam
- Kolam Renang Awam Seberang Jaya
- Dewan Milenium, Kepala Batas (diswastakan kepada PDC Setia Urus)
- Dewan Dato' Hj Ahmad Badawi, Butterworth

Kompleks Dan Dewan Yang Disediakan Oleh Majlis Perbandaran Seberang Perai (MPSP)



Penggunaan Kemudahan Sukan MPSP Bagi Tahun 2017

KEMUDAHAN	BILANGAN PENGGUNAAN
<i>Kompleks Sukan MPSP Bertam</i>	2331
<i>Kompleks Sukan dan Rekreasi SONY</i>	1886
<i>Kompleks Sukan dan Rekreasi SPT</i>	487



Graf Menunjukkan Penggunaan Kemudahan Sukan MPSP Bagi Tahun 2017.

PENGURUSAN & PENYELENGGARAAN DEWAN ORANG RAMAI MPSP


Majlis juga mempunyai dewan-dewan orang ramai yang diserahkan oleh pemaju-pemaju perumahan. Dewan-dewan ini akan diberi hak pengurusan selama setahun kepada Persatuan atau Pertubuhan dengan mengenakan bayaran gantian cukai tanah dan cagaran sebanyak RM100.00.

Permohonan rasmi perlu dikemukakan kepada MPSP dan sertai dengan

- Sijil Pertubuhan yang sah
- Senarai Ahli Jawatankuasa
- Perancangan aktiviti tahunan

Statistik Dewan Orang Ramai Bagi Tahun 2017

Bil	Status / Kawasan	SPU	SPT	SPS
1	Diuruskan oleh Persatuan atau Pertubuhan	49	60	42
2	Kekosongan	24	51	35
	Jumlah	73	111	77



Graf menunjukkan Bilangan Dewan Orang Ramai MPSP Bagi Tahun 2017

KERATAN AKHBAR

Jabatan ini ditugaskan untuk membuat keratan akhbar mengenai isu-isu MPSP dan yang berkaitan untuk tindakan MPSP dan untuk Sistem Keratan Akhbar. Di bawah ini merupakan statistik keratan akhbar yang telah dibuat sepanjang tahun 2017.

Statistik Keratan Akhbar MPSP Tahun 2017

BIL	AKHBAR / BULAN	JAN	FEB	MAC	APR	MEI	JUN	JULAI	OGOS	SEP	OKT	NOV	DIS
1	B.HARIAN	27	21	10	26	10	19	27	32	23	27	27	12
2	H.METRO	26	17	22	20	11	6	14	21	10	14	35	2
3	SINAR HARIAN	40	17	31	29	21	19	26	32	37	30	76	27
4	THE STAR	49	25	56	60	47	39	73	73	79	62	130	65
5	NST	3	14	15	13	16	18	15	27	27	32	49	23
6	SUN	10	3	4	11	5	7	14	20	8	11	24	9
7	TAMIL NESAN	-	-	-	1	1	-	-	2	-	-	-	-
8	ORIENTAL DAILY	12	8	9	7	-	4	3	3	3	3	2	2
9	CHINA PRESS	19	18	26	2	-	18	25	31	20	18	6	20
10	GUANG MING	22	21	28	19	18	16	23	35	-	18	11	14
11	NAN YANG	16	10	14	12	18	11	13	18	14	12	6	8
12	KWANG WAH	12	16	14	12	17	12	12	29	11	17	9	16
13	SIN CHEW DAILY	23	17	27	9	22	16	21	25	23	18	9	10
14	MALAYSIA NANBAN	1	-	-	2	1	-	2	4	3	1	-	5
15	MAKKAL OSAI	3	-	-	-	-	-	-	3	-	-	4	3

PENGENDALIAN MAJLIS DAN KERAIAN MPSP TAHUN 2017

Fungsi utama Jabatan Kemasyarakatan adalah menjadi “Event Manager” bagi setiap program dan majlis keraian yang diadakan oleh MPSP. Antara program dan majlis keraian yang telah diadakan sepanjang tahun 2017 ialah seperti berikut.

1. Majlis Angkat Sumpah Dan Penerimaan Jawatan Ahli Majlis MPSP 2017
2. Majlis Pelancaran Anugerah Sekolah Hijau 2017
3. Majlis Pelancaran Pemulihan Air Sungai Seberang Jaya Oleh Armstrong Technology Sdn Bhd Dan South Island Garment Sdn Bhd
4. Majlis Pelancaran Sisa Sifar Fys Marketing Sdn Bhd Dan Taman Mutiara Jaya 5. Majlis Pelancaran Kitar Semula F&N 2017
4. Majlis Pelancaran Sisa Sifar Fys Marketing Sdn Bhd Dan Taman Mutiara Jaya
5. Majlis Pelancaran Kitar Semula F&N 2017
6. Majlis Perasmian Projek Baik Pulih Laluan Bukit Juru
7. Majlis Pelancaran Latihan Kesedaran Kualiti Air Sungai Peringkat Sekolah Menengah Rendah (Lower Secondary School) -
8. Majlis Penghargaan Pesara 2017 Dan Anugerah Perkhidmatan Cemerlang 2016
9. Majlis Pecah Tanah Rain Garden, Jln Jeti Lama & Majlis Perasmian Butterworth Art Walk
10. Program Car Free Morning
11. Perhimpunan Korporat
12. Sesi “Town Hall” Dialog Bajet Mpss 2018
13. Bengkel Pemahaman Dan Pelaksanaan Universal Design (UD) Di Seberang Perai
14. MGBC Northern Chapter Seminar 2017
15. Majlis Perasmian Pusat Latihan Dan Pameran 'Upcycle' Pertubuhan Penduduk Kepala Gajah, Pusat Sumber Alam Sekitar Aman Puteri Gunung

16. Ceramah Perdana Sempena Perayaan Hari Majlis Ke 43/2017
17. Sambutan Hari Majlis 2017
18. Majlis Penyerahan Bekas Kitar Semula Kepada Sekolah - Sekolah Dalam Parlimen Bukit Mertajam - 23 Julai 2017
19. Majlis Perasmian Butterworth Fringe Festival 2017
20. Majlis Perasmian Seberang Perai Fiesta 2017
21. Program Penanaman Pokok Tecoma (Tabebuia Spp) Terbesar
22. Majlis Penyampaian Hadiah Anugerah Komuniti Mampan 2016 / 17
23. Majlis Pelrasmian Sambutan Hari Sungai Sedunia
24. Majlis Pelancaran Bengkel "Upcycle"
25. Majlis Perasmian Pusat Sumber Alam Sekitar Perkampungan Valdor
26. Majlis Penyampaian Hadiah Anugerah Kitar Semula Anjuran Fraser & Neave Holdings Berhad (FNHB)
27. Majlis Perasmian Program "Forest Bathing" Hutan Simpan Bukit Juru
28. Ucapan Bajet Tahun 2018
29. Majlis Penyampaian Star Sanctuary Seberang Perai Photography Award 2017 (SSSPP Awards 2017)
30. Sesi Penerangan Hala Tuju Pelan Strategik Seberang Perai 2018 - 2022 Oleh YBhg. Dato' Yang Dipertua Bersama Pembantu Awam
31. Program Eco - Csr 2017: "Town Cleaning" Anjuran Panasonic Automotive Systems Malaysia Sdn. Bhd. (PASMY)
32. Ucapan Aluan Program Taklimat Latihan "Industrial Revolution 4.0"
33. Majlis Perasmian Penyalaan Lampu Di Laluan Trek Jogging Sungai Pertama, Seberang Jaya
34. Majlis Perasmian "Rain Garden" & Pelancaran Buku "The Little Mamak : Lost In Bagan"
35. Perhimpunan Korporat
36. Majlis Penyampaian Hadiah Pertandingan Kitar Semula Sekolah - Sekolah Anjuran Plb Eco Solutions Sdn. Bhd.
37. Hari Sukarelawan Di Seberang Perai
38. Sambutan Hari Integriti Dan Ikrar Bebas Rasuah (IBR)
39. Seminar Pengurusan Strata: 1st Agm, Tanggungjawab Pemaju & Prosedur
40. Sesi Town Hall Pembentukan Pelan Strategi Seberang Perai 2018 - 2022
41. Majlis Penyampaian Hadiah Anugerah Sekolah Hijau 2017 Peringkat Seberang Perai Anjuran Continental Automotive Components (Malaysia) Sdn. Bhd.
42. Majlis Fys Quarryman Appreciation Dinner 2017
43. Taklimat Pengukuhan Bahasa Kebangsaan Dalam Iklan Di Tempat Awam Dan Penyampaian Anugerah Citra Bahasa Melayu
44. Majlis Pelancaran Sisa Sifar Taman Desa Oren, Sungai Puyu
45. Penang Goes Orange 2017
46. Majlis Perasmian Mesyuarat Agung Pesuka Ke 23
47. Sambutan Hari Lanskap Negara Peringkat Negeri Pulau Pinang 2017
48. Jamuan Penghargaan Kakitangan MPSP (Pasca Banjir)
49. Majlis Perasmian Jalan Baru Di Jalan Mohd Saad

GAMBAR MAJLIS KERAIAN MPSP PADA TAHUN 2017



PELANCARAN ANUGERAH SEKOLAH HIJAU KE-8 2017



KARNIVAL JUALAN BARANGAN UPCYCLE 'LED' DI AUTOCITY



CAR FREE MORNING SEMPENA SAMBUTAN HARI WANITA SEDUDIA 2017



ECO-CSR PANASONIC 2017 DI BUKIT D.O



PERASMIAN JCI NIBONG TEBAL



ANUGERAH KITAR SEMULA F&N



ECO-CSR PANASONIC 2017 DI BUKIT D.O

UNIT EKO KOMUNITI

Pada tahun 2017, Unit Eko Komuniti telah menjalankan sebanyak 259 aktiviti yang bertujuan untuk mempertingkatkan program kitar semula dan menggalakkan pengurangan sampah. Promosi 4R iaitu *Rethink, Reduce, Reuse & Recycle* adalah aktif dijalankan oleh MPSP. Setiap lapisan masyarakat, bermula dengan diri sendiri dididik untuk mewujudkan masyarakat yang kurang mengeluarkan sisa, atau menjana sisa (sisa sifar – *rethink*) dengan menjalankan program kitar semula bagi sisa yang dijana dan membudayakan kitar semula dalam kehidupan sehari-hari.

Program-program yang dijalankan memfokuskan mengenai kepentingan kitar semula dan kepentingan sisa diasingkan kepada 3 kategori iaitu boleh dikitar semula, tidak boleh dikitar semula dan sisa organik. Bahan yang boleh dikitar semula dikumpul untuk jualan, tidak boleh dikitar semula dibuang sebagai sampah dan sisa organik dijadikan kompos.

Scara mudah, konsep ini mengajar supaya memaksimumkan kitar semula, meminimakan sisa, mengurangkan penggunaan dan memastikan setiap barang yang dihasilkan boleh diguna semula, dibaiki, dikitar dan dikomposkan. Dengan mengamalkan kitar semula ini, ia bukan sahaja dapat menjaga alam sekitar dan menjimatkan kos pengurusan sampah malah dapat mengekang pelbagai permasalahan yang bakal timbul kesan daripada ketidakcekapan pengurusan sumber alam.

I. KITAR SEMULA

TAHUN	2008	2009	2010	2011	2012	2013	2014	2015	2016	2017
SISA (TONS)	564,941	560,602	555,956	546,345	528,275	635,555	667,955	729,718	756,198	798,364
KITAR SEMULA (TONS)	124,121 (21.97%)	132,039 (23.55%)	129,804 (23.3%)	144,682 (26.48%)	157,286 (29.77%)	207,849 (32.7%)	233,790 (35%)	289,258 (39.64%)	322,189 (42.60%)	345,329 (43.25%)

STATISTIK KITAR SEMULA TAHUN 2017

Bulan	Berat Sampah (Ton)	Berat Kitar Semula (Ton)	Jumlah Berat Sampah + Berat Kitar	Peratus Kitar Semula
1	39,609.920	18,858.331	58,468.251	32.254%
2	34,134.870	18,068.711	52,203.581	34.612%
3	37,621.200	20,195.995	57,817.195	34.931%
4	36,291.700	19,599.424	55,891.124	35.067%
5	37,894.060	21,388.805	59,282.865	36.079%
6	34,758.330	17,218.015	51,976.345	33.127%
7	37,400.250	18,167.642	55,567.892	32.694%

Bulan	Berat Sampah (Tan)	Berat Kitar Semula (Tan)	Jumlah Berat Sampah + Berat Kitar	Peratus Kitar Semula
8	38,378.710	20,145.537	58,524.247	34.423%
9	37,996.950	18,433.443	56,430.393	32.666%
10	38,158.880	71,783.609	109,942.489	65.292%
11	42,075.460	61,971.039	104,046.499	59.561%
12	38,714.840	39,499.131	78,213.971	50.501%
Jumlah	453,035.170	345,329.682	798,364.852	43.255%

II. KOMUNITI SISA SIFAR

Komuniti sisa sifar adalah untuk mendidik penduduk bahawa pengasingan sisa di punca perlu dilaksanakan dan bukan itu sahaja, sisa dapur seperti kulit buah-buahan, sayur-sayuran, semua sisa basah boleh dikomposkan untuk dijadikan baja. Sekiranya masyarakat mengamalkan pengkomposan dan kitar semula, ia dapat membantu mengurangkan pembuangan sisa dapur ke tapak pelupusan dan dapat membantu MPSP untuk menjimatkan jutaan ringgit yang dibayar untuk pengurusan sampah pada setiap tahun.

- | | |
|-----------------------------|----------------------------------|
| 1. Taman Pandan | 10. Taman Bukit Panchor |
| 2. Pangsapuri Park View | 11. Kampung Jawi |
| 3. Palm Vila | 12. Autocity Juru |
| 4. Permatang Nibong | 13. South Island Garment |
| 5. Taman Keenways | 14. Malaysia Automotive Lighting |
| 6. Taman Desa Palma | 15. Ixora Hotel |
| 7. Pangsapuri Taman Permata | 16. Kilang Sony |
| 8. Taman Tambun Indah | 17. Taman Villa Oren |
| 9. Taman Putri Gunung | 18. Pangsapuri Tanjung Indah |

III. KEBUN KEJIRANAN (COMMUNITY FARMING)

Antara komuniti yang melaksanakan aktiviti seperti kitar semula, kebun kejiranan dan pengkomposan ialah seperti berikut :

- Taman Bagan Lalang
- Taman Keenways
- Taman Pandan
- Taman Gemilang/ Semarak
- Taman Desa Damai
- Taman Janggus Jaya
- Taman Bukit Panchor
- Permatang Nibong

IV. ANUGERAH SEKOLAH HIJAU 2017

Anugerah Sekolah Hijau bertujuan mengurangkan sisa buangan, penjimatan sumber, pemeliharaan dan pemuliharaan alam sekitar. Program ini telah berlangsung sejak tahun 2010 dan sejak daripada itu telah ditaja dan dianjur bersama Continental Automotive Components Malaysia Sdn Bhd. Pada tahun 2017, bilangan penyertaan telah bertambah.

TAHUN	JUMLAH SEKOLAH
2010	30
2011	36
2012	53
2013	86
2014	86
2015	141
2016	149
2017	152

KATEGORI SEKOLAH RENDAH

- ❖ **Johan (RM2,000)** : Sekolah Kebangsaan Kebun Sireh
- ❖ **Naib Johan (RM1,600)** : SJKC Seng Keow
- ❖ **Ketiga (RM1,000)** : Sekolah Kebangsaan Taman Impian

❖ Anugerah Emas (RM1,000):

1. Sekolah Kebangsaan Pokok Sena
2. SJKC Lee Chee, Tasek Glugor

❖ Anugerah Perak (RM600):

- | | |
|----------------------------------|-------------------------------|
| 1. SJKC True Light, Kampong Juru | 6. SJKC Permatang Tinggi |
| 2. SJKC Kg Jawi | 7. SJKC Chung Hwa 3, Perai |
| 3. Sekolah Kebangsaan Juara | 8. SJKC Chong Kuang, Sg Bakap |
| 4. SJKC Keng Koon, Bukit Tambun | 9. SJKC Kuang Yu |
| 5. Sekolah Kebangsaan Stowell | |

❖ Anugerah Gangsa (RM300)

- | | |
|--|--|
| 1. SJKC Yok Eng, Sg Udang | 6. Sekolah Kebangsaan Seberang Jaya II |
| 2. Sekolah Kebangsaan Bandar Tasek Mutiara | 7. SJKC Aik Keow, Penaga |
| 3. Sekolah Kebangsaan Bukit Tambun | 8. SJKC Nung Min, Bumbung Lima |
| 4. SJKC Perkampungan Berapit | 9. SJKT Ladang Transkrian |
| 5. Sekolah Kebangsaan Machang Bubok 2 | |

❖ Anugerah Khas (RM200)

- a. **Program Sisa Sifar:** SJKC True Light, Kg Juru
- b. **Kebersihan dan Penghijauan:** Sekolah Kebangsaan Taman Impian
- c. **Inovasi dan Kreativiti:** Sekolah Kebangsaan Stowell
- d. **Penglibatan Komuniti:** Sekolah Kebangsaan Kebun Sireh
- e. **Program 5S:** Tiada

KATEGORI SEKOLAH MENENGAH

- ❖ **Johan (RM2,000):** SMK Berapit
- ❖ **Naib Johan (RM1,600):** SMK Gemilang
- ❖ **Ketiga (RM1,000)** : SMK Saujana Indah

➤ Anugerah Khas (RM200):

- a. **Program Sisa Sifar:** SMK Convent, Bukit Mertajam
- b. **Kebersihan dan Penghijauan:** SMK Saujana Indah
- c. **Inovasi dan Kreativiti:** SMK Kampong Selamat
- d. **Penglibatan Komuniti:** SMK Permatang Tok Labu
- e. **Program 5S (RM500):** MRSMP Kepala Batas

➤ Anugerah Gangsa (RM300):

1. SMK Perai
2. SMK Permatang Rawa
3. SMK Permatang Tok Jaya
4. SMK Permai Indah
5. SMK Valdor
6. SMK Tasek

➤ **Anugerah Gangsa (RM300):**

1. SMK Perai
2. SMK Permatang Rawa
3. SMK Permatang Tok Jaya
4. SMK Permai Indah
5. SMK Valdor
6. SMK Tasek

➤ **Anugerah Perak (RM600):**

1. SMK Kampong Selamat
2. SMK Convent, Bukit Mertajam
3. SMK Guar Perahu
4. SMK Convent, Butterworth
5. SMK Permatang Tok Labu
6. SMK Jalan Damai

Pasukan Kerja LA 21 telah berjaya menjalankan bengkel sekolah hijau sebanyak 35 kali bagi tahun ini. Modul latihan temasuk ceramah kitar semula selama 1.5 jam dan bengkel pengasingan sisa, pengkomposan, membuat jus buah-buahan tertapai (BIM) dan membuat sabun dengan minyak terpakai selama 1 jam. Jumlah masa yang perlu diperuntukkan hanya 2.5 jam sahaja.

Dalam tempoh enam tahun ini, pencapaian sekolah hijau amat membanggakan di mana sekolah telah menjadi pusat pengumpulan bahan-bahan kitar semula bagi komuniti, sisa kantin dan kebun dikomposkan, minyak masak terpakai tidak dibuang, penggunaan bahan-bahan mesra alam, dan sekolah juga menjadi lebih bersih dan hijau. Selain itu, kreativiti dan inovasi pelajar bertambah terutama dalam penjimatan sumber.



ANUGERAH KOMUNITI MAMPAN 2016/2017



MAJLIS PELANCARAN KARNIVAL UPCYCLE DI AUTOCITY, JURU



MAJLIS PENYAMPAIAN HADIAH ANUGERAH
SEKOLAH HIJAU 2017



MAJLIS PELANCARAN PROGRAM SISA SIFAR
DI TAMAN VILLA MUTIARA



MAJLIS PELANCARAN PROGRAM SISA SIFAR
DI TAMAN DESA OREN



MAJLIS PERBANDARAN SEBERANG PERAI

www.mpsp.gov.my